




PARLIMEN MALAYSIA



MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEDUABELAS
2009

JAWAPAN-JAWAPAN PERTANYAAN JAWAB
LISAN HARIAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB
DALAM DEWAN RAKYAT DARIPADA
KEMENTERIAN

HARI KHAMIS: 26 FEBRUARI 2009

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB

LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN

(SOALAN NO. 2, 8, 12, 13, 15 HINGGA 75)

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1, 3 HINGGA 7, 9, 10, 11,
DAN 14**

[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
[LEMBAH PANTAI]
TARIKH : 26 FEBRUARI 2009
SOALAN :

Puan Nurul Izzah Binti Anwar [Lembah Pantai] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah keistimewaan-keistimewaan yang akan dinikmati oleh rakyat Malaysia dalam sektor kesihatan memandangkan pertumbuhan dalam sektor ini dijangka mencapai 8% pada tahun 2009.

Tuan Yang di-Pertua,

Samada negara mengalami pertumbuhan atau tidak, perkhidmatan kesihatan di negara ini adalah diantara yang paling istimewa dirantau ini. Kerajaan telah memberikan komitmen untuk perkhidmatan kesihatan supaya ianya dinikmati rakyat tanpa batas pendapatan, latar belakang ekonomi atau pekerjaan. Ini menyebabkan perkhidmatan kesihatan samada di hospital atau klinik begitu popular menyebabkan semua fasiliti mengalami kesesakan dan waktu

menunggu yang agak lama. Sebagai contoh, pada tahun 2007 jabatan pesakit luar di hospital (klinik pakar), klinik kesihatan dan jabatan pesakit luar serta institusi kesihatan lain menerima sebanyak 36,427,161 lawatan pesakit sementara seramai 1,964,903 pesakit telah dimasukkan ke hospital untuk rawatan. Sehingga kini sebanyak 130 buah hospital Kerajaan telah beroperasi dengan 2,149 katil dan beberapa buah hospital lagi dalam pembinaan di dalam Rancangan Malaysia ke-9. Sebanyak 806 Klinik Kesihatan dan 1,927 klinik desa diseluruh pelusuk negara memberikan peluang kepada rakyat untuk mendapatkan perkhidmatan kesihatan percuma. Selain itu, klinik bergerak samada darat, udara dan air memberikan khidmat di tempat-tempat yang sukar dikunjungi.

Kesemua yang dinyatakan itu adalah keistimewaan yang sentiasa diberi kepada rakyat dinegara ini tanpa mengira saat negara berada diwaktu kegawatan ekonomi atau sebaliknya. Dengan seringgiti untuk pendaftaran di hospital, pesakit akan diberikan ubat yang melebihi nilai seringgiti itu. Bagi pesakit yang kurang mampu mereka juga boleh dikecualikan dari bayaran setelah mendapat kelulusan pengecualian.

NO: 8

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : **YB DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG (MARANG)**
PERTANYAAN : **LISAN**
TARIKH : **26.02.2009** **SOALAN NO: 08**

YB Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang (Marang) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah usaha-usaha Kerajaan yang dijalankan untuk membebaskan umat Islam dalam negara ini dari belenggu riba dan sistem ekonomi kapitalis.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa memberikan perhatian terhadap umat Islam di negara ini untuk membantu mereka mengelakkan diri daripada aktiviti yang bertentangan dengan ajaran Islam dan tidak menepati kehendak hukum syarak. Untuk tujuan ini, Kerajaan telah melaksanakan pelbagai strategi antaranya dengan membina satu sistem kewangan Islam yang komprehensif sekali gus dapat memberi satu pilihan kewangan Islam yang lengkap kepada umat Islam di Malaysia untuk bermuamalah dalam satu sistem kewangan yang menepati kehendak hukum syarak.

2. Antara usaha yang dijalankan adalah menawarkan kewangan Islam sebagai kaedah alternatif kepada kewangan konvensional. Kerajaan telah menubuhkan bank Islam pada tahun 1983 dan syarikat takaful pada tahun 1985 sebagai satu pilihan kepada umat Islam di Malaysia untuk bermuamalah dalam institusi kewangan Islam yang berteraskan Syariah. Selari dengan ini, Kerajaan seterusnya memperkenalkan Skim Perbankan Islam pada tahun 1993 di mana sistem dwi-perbankan, iaitu sistem perbankan Islam yang berjalan seiring dengan sistem perbankan konvensional. Strategi ini bukan sahaja meningkatkan akses kepada produk kewangan Islam tetapi juga meningkatkan jumlah cawangan yang menawarkan produk kewangan Islam.

3. Bagi umat Islam yang melibatkan diri dalam pasaran modal, pasaran modal negara juga turut menawarkan produk yang mematuhi keperluan syariah. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga akhir November 2008, sebanyak 87% daripada jumlah syarikat yang disenaraikan di Bursa Malaysia telah diklasifikasikan mematuhi syariah. Di pasaran sekuriti hutang, terbitan bon Islam (sukuk) telah turut mencatatkan perkembangan yang memberangsangkan. Sehingga akhir 2008, jumlah sukuk terkumpul di negara adalah sebanyak RM211 bilion atau 36% daripada jumlah bon terkumpul, dengan purata peningkatan tahunan sebanyak 23.5% sejak tahun 2000. Selain itu, Malaysia merupakan negara pengeluar sukuk utama di dunia dengan 70% daripada jumlah sukuk antarabangsa pada akhir 2008.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Untuk makluman Yang Berhormat, semua usaha yang dilaksanakan adalah bagi membantu membolehkan umat Islam di negara ini menyertai semua aspek kegiatan ekonomi yang mematuhi ajaran Islam dan hukum-syarak. Ini dapat dilihat di mana sistem ekonomi negara turut merangkumi sistem ekonomi Islam yang menggalakkan pengagihan sumber dan kekayaan yang adil dan pembangunan pasaran yang beretika. Sebagai contoh, Kerajaan mengawal harga sesetengah barangan makanan dan barangan petroleum. Kerajaan turut memberikan subsidi untuk barangan keperluan tertentu bagi meringankan beban rakyat. Selain itu, Kerajaan juga mengawal selia industri tertentu bagi memastikan persaingan yang adil dan saksama.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD YUSOF (BALIK PULAU)
TARIKH : 26 FEBRUARI 2009 (KHAMIS)

SOALAN: NO. 12

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff (Balik Pulau) minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan pendirian mengenai tahap umur pemimpin belia di persatuan-persatuan belia di seluruh negara yang melebihi tahap umur mengikut definisi belia negara dan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007, tafsiran "Belia" adalah mereka yang berumur di antara 15 hingga 40 tahun. Sehubungan itu, Seksyen 2 dalam Akta tersebut memperuntukkan bahawa pemimpin belia yang melebihi tahap umur 40 tahun mestilah meletakkan jawatan atau menamatkan tempoh memegang jawatan. Manakala Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mendefinisikan "Belia" sebagai mereka yang berumur dalam lingkungan 15 hingga 24 tahun.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK BILLY ABIT JOO

[HULU RAJANG]

TARIKH JAWAPAN : 26 FEBRUARI 2009 (KHAMIS)

DI DEWAN RAKYAT

SOALAN : NO. 13

SOALAN

Datuk Billy Abit Joo minta MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI menyatakan :-

- (a) adakah rancangan untuk membina Empangan Murum akan diteruskan dan jika ya, bilakah pembinaan akan bermula; dan
- (b) adakah laporan EIA untuk projek ini sudah disiapkan dan di manakah penduduk di kawasan ini terutamanya komuniti Penan akan ditempatkan semula.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kerajaan Negeri bercadang untuk meneruskan pembinaan Empangan Murum di Sarawak bagi memenuhi permintaan domestik yang semakin meningkat dari tahun ke tahun di samping mengurangkan kebergantungan kepada bahan bakar

seperti arang batu dan gas untuk penjanaan elektrik. Usaha ke arah pembinaan empangan ini telah pun bermula sejak Oktober 2008 dan dijangka siap pada tahun 2013. Apabila siap kelak, Stesen Janakuasa Hidro Murum ini berupaya untuk membekalkan kapasiti penjanaan tambahan sebanyak 944MW kepada negeri Sarawak.

Laporan EIA berhubung pelaksanaan projek ini khususnya untuk kawasan tadahan (*reservoir area*) dengan izin, telah siap dibentangkan dan telah diluluskan oleh Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar (NREB) Sarawak pada April 2008.

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Penduduk-penduduk yang terlibat dengan penempatan semula ini akan ditempatkan di lokasi baru yang telah dikenal pasti, iaitu di Sungai Penyuan, Belaga. Program penempatan semula ini akan melibatkan pembangunan keperluan asas, kemudahan infrastruktur dan *amenity* dengan izin.

Kerajaan Negeri Sarawak juga sedang mengenal pasti aktiviti ekonomi yang sesuai untuk dilaksanakan bagi meningkatkan taraf hidup masyarakat yang terlibat, khususnya kepada 8 penempatan komuniti Penan. Pengenalan pelbagai aktiviti ekonomi ini diharap mampu menjana pendapatan mereka sejajar dengan hasrat Kerajaan untuk membawa kaum Penan ke dalam arus pembangunan semasa dan keluar dari belunggu kemiskinan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN MOHD. NASIR BIN ZAKARIA
(PADANG TERAP)
TARIKH : 26.02.2009

SOALAN:

Y.B. TUAN MOHD. NASIR BIN ZAKARIA [PADANG TERAP] minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan pelajar yang memohon untuk mengikuti pengajian di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan sejak ia diperkenalkan serta bilangan yang diterima. Adakah pihak Kementerian bercadang untuk melaksanakan kurikulum azhari atau sanawi sebagai kurikulum kebangsaan di aliran tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini terdapat 154 buah Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) yang mendaftar dengan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Terdapat sebanyak 101 buah lagi sekolah agama yang masih di peringkat perbincangan untuk menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU). Bagi semua SABK yang mendaftar, jumlah murid secara keseluruhan ialah 53,204 orang dan dijangkakan akan meningkat berikutan sambutan ibu bapa terhadap SABK dan kemampuan sekolah-sekolah ini membentuk muridnya secara bersepadu.

KPM juga bertanggungjawab dalam pembangunan, pembinaan, pengurusan dan pemantauan SABK, termasuk penyediaan guru dan gaji, buku teks serta lain-lain kemudahan yang diperlukan. Dari segi kurikulum pula, dalam langkah

menyelaraskan kurikulum Azhari ke kurikulum kebangsaan, beberapa siri seminar diadakan untuk mencari jalan kerjasama dan resolusi. Langkah ini juga melibatkan persetujuan oleh JAKIM, pejabat agama negeri dan Majlis Raja-Raja untuk dilaksanakan dan bukan hanya tertakluk di bawah bidang kuasa KPM.

Rjm 43

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG
[SIBUTI]
TARIKH : 26 FEBRUARI 2009
SOALAN :

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapakah jumlah produk perubatan herba yang telah dieksport oleh Malaysia ke pasaran global sejak 3 tahun lepas. Negara manakah yang menjadi pengimport produk herba Malaysia dan apakah produk Malaysia dan apakah usaha Kerajaan mempromosikan produk herba ke dunia luar.

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan pengeluaran *Certificate of Pharmaceutical Product* (CPP) Malaysia telah mengeksport sejumlah 576 produk perubatan herba pada tahun 2006, 1017 pada tahun 2007 dan 883 produk bagi tahun 2008.

Negara-negara yang mengimport produk perubatan herba Malaysia ialah negara-negara dari Asia Tenggara, Timor Tengah, Kesatuan Eropah, Afrika dan Amerika Selatan. Produk-produk perubatan herba yang diimport oleh negara-negara tersebut merupakan herba seperti tongkat ali, pegaga, tunjuk langit, kacip fatimah dan sebagainya.

Bagi mempromosikan produk herba ke dunia luar, Malaysia telah mengambil inisiatif menganggotai Skim Pemeriksaan Amalan Pengilangan Baik (APB) Eropah di mana garis panduan bagi pengilang produk herba diketatkan sejajar dengan garis panduan *Pharmaceutical Inspection Co-operation Scheme (PIC/S)* dalam aspek APB.

Malaysia diterima menjadi ahli yang ke-26 dalam PIC/S yang beribu pejabat di Geneva pada Januari 2002. Garispanduan APB yang digunakan oleh Malaysia ialah garispanduan negara *European Union (EU)*. Kesan dari keahlian Malaysia membolehkan produk herba Malaysia menembusi pasaran EU dan lain negara yang berkeyakinan dengan standard produk Malaysia.

Pegawai-pegawai dari Kementerian Kesihatan juga melibatkan diri di dalam aktiviti-aktiviti antarabangsa dengan agensi regulatori lain, seperti yang dianjurkan oleh *WHO* dan *ASEAN Traditional Medicines and Health Supplements Product Working Group* di mana Malaysia telah mempromosi sistem kawalan bagi produk herba negara.

NO: 17.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : **BAGI JAWAB LISAN**

DARIPADA : **Tuan Gobalakrishnan a/l Nagapan
[Padang Serai]**

TARIKH : **26 Februari 2009 (Khamis)**

SOALAN : **17**

Tuan Gobalakrishnan a/l Nagapan [Padang Serai] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berapakah keluasan ladang kelapa sawit KLIA Berhad dan berapa banyakkah pendapatan yang diperolehi dari sumber perladangan tersebut.

Jawapan:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Y. Berhormat Padang Serai, keluasan ladang kelapa sawit tersebut adalah 6,472.72 hektar. Pada tahun 2008, pendapatan yang diperolehi daripada sumber perladangan tersebut adalah sebanyak RM 67.2 juta. Untuk makluman Yang Berhormat Padang Serai, ladang kelapa sawit ini bukan dimiliki oleh Malaysia Airports (Sepang) Sdn. Bhd., tetapi ia adalah milik anak syarikat Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) iaitu Malaysia Airports Agriculture and Horticulture Sdn. Bhd. (MAAH).

SOALAN NO. 18

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. PUAN TAN AH ENG
KAWASAN : GELANG PATAH
TARIKH : 26.02.2009 (KHAMIS)

**Y.B. PUAN TAN AH ENG (GELANG PATAH) minta MENTERI
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan:-**

- a) jumlah kelulusan pinjaman SME pada tahun 2007 dan 2008 yang mengikut kaum; dan
- b) nyatakan jumlah pinjaman yang tertinggi dan terendah bagi setiap individu.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

- a) Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) melalui SMIDEC menawarkan 3 skim pinjaman kepada EKS iaitu:
 - i. Skim Pinjaman Mudah Bagi Penempatan Kilang;
 - ii. Skim Pinjaman Mudah Untuk EKS; dan
 - i. Skim Pinjaman Mudah Untuk Penerapan Aplikasi ICT.

SMIDEC mengkategorikan para peminjam berdasarkan klasifikasi Bumiputera dan bukan Bumiputera secara umum. Bagi tahun 2007, sejumlah 35 permohonan pinjaman bagi ketiga-tiga skim tersebut yang bernilai RM19.72 juta telah diluluskan kepada EKS Bumiputera, manakala sejumlah 178 permohonan pinjaman yang bernilai RM123.65 juta telah diluluskan kepada EKS bukan Bumiputera.

Bagi tahun 2008, sejumlah 49 permohonan pinjaman bagi ketiga-tiga skim tersebut yang bernilai RM41.14 juta telah diluluskan kepada EKS Bumiputera, manakala sejumlah 212 permohonan pinjaman yang bernilai RM181.82 juta telah diluluskan kepada EKS bukan Bumiputera.

- b) Bagi Skim Pinjaman Mudah Untuk EKS dan Skim Pinjaman Mudah Bagi Penempatan Kilang, jumlah pinjaman yang tertinggi adalah RM3 juta dan pinjaman terendah adalah RM50 ribu. Bagi Skim Pinjaman Mudah Untuk Penerapan Aplikasi ICT, jumlah pinjaman yang tertinggi adalah RM500 ribu dan pinjaman terendah adalah RM20 ribu.**

NB-19

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS
[TELOK KEMANG]**

TARIKH JAWAPAN : 26 FEBRUARI 2009 (KHAMIS)

DI DEWAN RAKYAT

SOALAN : NO. 19

SOALAN

Dato' Kamarul Baharin Bin Abbas minta MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI menyatakan:-

- (a) bagaimana pada tahun 2008, Tenaga Nasional Berhad (TNB) dengan perolehan RM7.895 bilion namun dalam masa yang sama telah membuat bayaran RM9.454 bilion kepada IPP; dan
- (b) dengan mata wang mana urus niaga dijalankan sehingga menyebabkan kerugian TNB berjumlah RM944 juta.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Perolehan daripada penjualan elektrik oleh Tenaga Nasional Berhad bagi tahun kewangan 2008, iaitu bagi tempoh 1 September 2007 hingga 31 Ogos 2008, ialah sebanyak RM22.8 bilion dan bukan RM7.895 bilion seperti yang dinyatakan oleh YB. Telok Kemang. Daripada jumlah ini, sebanyak RM12.1 bilion atau 53% telah dibayar kepada IPP seperti yang tertakluk di bawah Perjanjian Pembelian Tenaga yang ditandatangani di antara TNB dan IPP.

Sebelum saya menjawab soalan mengenai kerugian bersih sebanyak RM944.1 juta yang dialami oleh TNB, ingin saya jelaskan bahawa kerugian tersebut merupakan kerugian yang dialami oleh TNB pada suku pertama tahun kewangan 2009 iaitu dari 1 September 2008 hingga 30 November 2008.

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Oleh kerana pinjaman luar TNB dibuat dalam mata wang Dolar Amerika Syarikat (USD) dan Yen Jepun, penyusutan nilai Ringgit Malaysia berbanding kedua-dua mata wang tersebut telah memberi kesan yang besar terhadap keuntungan TNB dan telah menyebabkan kerugian tukaran mata wang asing sebanyak RM1.439 bilion.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **DATUK SAPAWI BIN HAJI AHMAD (SIPITANG)**
TARIKH : **26.02.2009 (KHAMIS)**
SOALAN : **20**

DATUK SAPAWI BIN HAJI AHMAD (Sipitang) minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah langkah yang telah dan akan dilakukan oleh Kementerian untuk mengecilkan jurang perbezaan antara harga bahan bacaan di Semenanjung dan Sabah untuk menggalakkan penduduk tempatan Sabah menjadi ulat buku.

Tuan Yang Dipertua,

Pada masa ini, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna tidak bercadang untuk menjadikan bahan bacaan sebagai barang kawalan dan menetapkan harga siling. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Festival Membaca anjuran Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan telah diadakan pada 3 Julai 2008 bertujuan melahirkan masyarakat Malaysia yang berilmu dan bermaklumat dengan menjadikan amalan membaca sebagai budaya.

Sehubungan dengan itu, Penerbit dan pengeluar buku juga telah diseru untuk menawarkan harga bahan bacaan yang lebih rendah kerana ia boleh menggalakkan orang ramai untuk membeli buku dengan lebih kerap.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN CHUA TIAN CHANG [BATU]
TARIKH : 26 FEBRUARI 2009
RUJUKAN : 1521

SOALAN:

Tuan Chua Tian Chang [Batu] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-

- (a) bilangan operasi yang melibatkan Ikatan Relawan Rakyat (RELA) dari tahun 2006 hingga 2008; dan
- (b) apakah langkah-langkah Kerajaan untuk mencegah penyalahgunaan kuasa oleh RELA semasa bertugas.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Tuan Chua Tian Chang (Batu) yang mengemukakan pertanyaaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini

(a) Jumlah bilangan operasi yang melibatkan Ikatan Relawan Rakyat (RELA) untuk menangani kebanjiran pendatang tanpa izin (PATI) dari tahun 2006 hingga 2008 adalah seperti berikut :

- i. Tahun 2006 - 975 kali
- ii. Tahun 2007 - 6,884 kali
- iii. Tahun 2008 - 4,031 kali

(b) Langkah-langkah kerajaan untuk mencegah penyalahgunaan kuasa oleh RELA semasa bertugas adalah antaranya seperti berikut :

(i) **Arahan Ketua Pengarah RELA Malaysia mengenai Tatacara Pengendalian Operasi Tegas (Operation Procedure) dan bersamanya juga telah dikeluarkan “ Standard Operating**

Procedure ” sebagai panduan kepada pegawai dan anggota semasa menjalankan operasi.

(ii) Menentukan supaya penyertaan bilangan anggota yang terlibat dengan operasi hendaklah dalam jumlah yang dapat dikawal. **Setiap operasi hendaklah diketuai oleh Pegawai RELA dan dibantu oleh anggota-anggota RELA.**

(iii) **Anggota RELA hanya akan diberi kuasa menjalankan operasi melalui proses penurunan kuasa secara bertulis dan mempunyai kuasa untuk memeriksa dan menangkap PATI. Penurunan kuasa ini mempunyai had masa dan tempat tertentu sahaja. Anggota RELA hanya diberi kuasa apabila melaksanakan tugas bersama-sama Pegawai.**

(iv) Tindakan tegas akan diambil ke atas pegawai dan anggota RELA yang didapati menyalahgunakan kuasa. Sekiranya kes-kes yang mempunyai bukti salahlaku, penyelewengan, rasuah dan terlibat dengan jenayah kekerasan semasa menjalankan operasi maka pegawai atau anggota-anggota RELA tersebut akan diambil tindakan selaras dengan peruntukan-peruntukan undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa. Bentuk-bentuk tindakan ialah dengan menamatkan perkhidmatan pegawai, menamatkan keahlian anggota, mengantung keahlian dan menahan Kad-kad RELA secara sertamerta dan mereka yang terlibat dengan gejala negatif ini tidak dibenarkan menyertai operasi-operasi selanjutnya.

(v) Anggota-anggota RELA akan diberi latihan dan kursus-kursus tertentu yang berkaitan dengan operasi terhadap Pendatang-pendatang Asing Tanpa Izin dan kursus-kursus ini akan dilaksanakan secara berterusan. Disamping itu anggota-anggota RELA yang terlibat dengan operasi akan diberi penerangan mengenai apa yang boleh dibuat dan apa yang tidak boleh dibuat sebelum dan selepas operasi.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Tuan Henry Sum Agong [Lawas]**
TARIKH : **26 FEBRUARI 2009**
SOALAN : **4122**

Tuan Henry Sum Agong [Lawas] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah dan jaminan Kerajaan bagi mengimbangi pengambilan kakitangan dan pegawai baru Kerajaan agar meliputi semua negeri, wilayah dan kaum di negara ini.

JAWAPAN:

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) adalah salah satu daripada Pihak Berkuasa Melantik (PBM) untuk memasuki perkhidmatan awam di Malaysia di peringkat persekutuan. Selain daripada SPA, terdapat beberapa PBM di peringkat persekutuan yang lain seperti Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan, Suruhanjaya Pasukan Polis, dan Majlis Angkatan Tentera.

Selain daripada PBM di peringkat persekutuan, pelantikan penjawat awam di peringkat negeri diuruskan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri masing-masing. Manakala di peringkat Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan, urusan pengambilan pegawai dilaksanakan oleh PBM tertentu.

Dengan wujudnya pelbagai PBM sama ada di peringkat Persekutuan, Negeri, Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan dapat dinyatakan telah ada elemen pengambilan pegawai yang meliputi kawasan, wilayah dan negeri.

Bagi pengambilan di peringkat Persekutuan, SPA sentiasa menjalankan tanggung jawabnya melaksanakan urusan pengambilan

secara telus dan adil bagi semua calon yang memohon jawatan. SPA mengenakan penyenaiaan pendek bagi mendapatkan bilangan calon yang sesuai untuk dipanggil temu duga. Asas penyenaiaan pendek yang biasanya digunakan adalah berdasarkan keputusan peperiksaan di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia, Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia, Diploma dan Ijazah. Bagi peringkat diploma dan ijazah, asas penyenaiaan pendek yang digunakan ialah Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK) dan bidang pengajian yang bersesuaian dengan jawatan dan keperluan Kementerian atau Jabatan. Hanya calon-calon yang memenuhi syarat skim yang ditetapkan dan melepasi asas penyenaiaan pendek yang dikenakan sahaja akan dipanggil temu duga.

Pemilihan seseorang calon adalah berdasarkan merit iaitu tertakluk kepada prestasi yang memuaskan semasa dalam sesi temu duga dan bukan berdasarkan kuota sesuatu kaum.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN HEE LOY SIAN
(PETALING JAYA SELATAN)
TARIKH : 26.02.2009

SOALAN:

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN [PETALING JAYA SELATAN] minta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah Kementerian akan memberikan peruntukan dan membina sekolah rendah kebangsaan di PJS 1 di Petaling Jaya di mana tapak sekolah tersebut telahpun diserahkan oleh pemaju kepada Kerajaan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Sekolah Kebangsaan Taman Petaling Utama sedang dalam peringkat penilaian dokumen tender. Projek ini dijangka akan dimulakan pada suku keempat tahun 2009.

PEMBERITAHU PERTANYAAN-DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK SERI DR. FONG CHAN ONN
(ALOR GAJAH)
TARIKH : 26.02.2009

SOALAN:

Y.B. DATUK SERI DR. FONG CHAN ONN [ALOR GAJAH] minta **Menteri Pelajaran** menyatakan apakah jurang IT (IT-gap) di antara sekolah-sekolah bandar dan luar bandar. Adakah rancangan-rancangan Kementerian untuk menaikkan tahap IT di kalangan murid-murid luar bandar berkesan dan apakah beza jurang kebolehan sekarang.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah mengambil banyak inisiatif untuk membolehkan semua sekolah di Malaysia mempunyai infrastruktur ICT yang sempurna. Penggunaan ICT amat ditegaskan di sekolah bagi memastikan murid mempunyai kemahiran *softskill* selaras dengan keperluan modal insan abad 21 dan mampu bersaing di peringkat global.

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah menyediakan satu sistem pemantauan secara online yang memberi fokus kepada enam inisiatif ICT iaitu:

- i) Makmal komputer
- ii) Pusat Akses
- iii) Program Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI)

- iv) Rangkaian SchoolNet
- v) Rancangan TV Pendidikan
- vi) Perisian Kursus (Courseware)

Kajian Penggunaan Inisiatif ICT yang dijalankan di lima buah negeri iaitu Pulau Pinang, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Johor, Terengganu dan Sabah menunjukkan tahap penggunaan ICT dan penggunaan perisian kursus pendidikan di sekolah bandar dan luar bandar adalah pada tahap yang memuaskan. Kajian turut mendapati makmal komputer digunakan dengan baik terutama untuk mata pelajaran Literasi ICT dan mata pelajaran Teknologi Maklumat dan Komunikasi.

Selain daripada itu, KPM turut membangunkan Pusat Akses di sekolah-sekolah bagi membantu pelajar membuat tugas, mendapatkan maklumat daripada internet, melaksanakan pembelajaran kolaboratif dan menggunakan e-mel. Sehingga 15 Februari 2009, rangkaian SchoolNet telah selesai disambungkan di **9,691** daripada **9,884 (98.04%)** sekolah/institusi di bawah KPM. Prasarana Schoolnet membolehkan KPM menyediakan kemudahan pengajaran dan pembelajaran tanpa sempadan. Program ini mampu merapatkan jurang digital di antara murid-murid sekolah di bandar dan luar bandar, memoden dan mempertingkatkan keberkesanan sistem pendidikan negara dan mewujudkan suasana pendidikan yang interaktif.

Namun, pemantauan dan galakan perlu dilaksanakan untuk meningkatkan penggunaan ICT. Latihan yang berterusan di samping perkhidmatan infrastruktur yang baik dengan penyelenggaraan sistem dan peralatan ICT secara cekap dapat membantu meningkatkan penggunaan ICT di sekolah.

AW-25

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : TUAN SIM TONG HIM
(KOTA MELAKA)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 26.02.2009 SOALAN NO: 25

Tuan Sim Tong Him (Kota Melaka) menyatakan tentang penglibatan anak syarikat Kementerian MAVCAP Biotech Sdn Bhd dalam Mobile Wallet Sdn Bhd dan peratusan saham yang dipegang oleh MAVCAP, ahli lembaga pengarah yang mewakili MAVCAP dan perhubungan di antara Mobile Wallet dengan CWW World Wide Sdn.Bhd.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pada 28 Jun 2006, Mavcap Biotech Sdn Bhd telah memeterai perjanjian pelaburan sejumlah RM2.5 juta di dalam Mobile Wallet Sdn Bhd, sebuah syarikat berstatus MSC yang menawarkan perkhidmatan pembayaran melalui telefon bimbit

kepada ahlinya di bawah 'e-money scheme of Payment System Act' Bank Negara.

2. Pelaburannya di dalam Mobile Wallet Sdn Bhd adalah dalam bentuk syer keutamaan boleh tebus (*Convertible Redeemable Preference Shares*) berjumlah 2.5 juta unit. Sekiranya syer tersebut ditebus, pegangan ekuiti Mavcap Biotech Sdn Bhd dalam Mobile Wallet Sdn Bhd adalah sebanyak 20%.

3. Mavcap Biotech Sdn Bhd diwakili oleh Encik Ng Heng Sin, salah seorang pengurus dana Expedient Equity Sdn Bhd di dalam Lembaga Pengarah Mobile Wallet Sdn Bhd. Untuk makluman Yang Berhormat, Expedient Equity Sdn Bhd telah dilantik sebagai syarikat pengurus dana bagi Mavcap Biotech Sdn Bhd. Pengurus dana diberi tanggung jawab untuk mengurus dan membuat pelaburan dana teroka bagi pihak Mavcap Biotech Sdn Bhd tanpa sebarang campur tangan pengurusan dari pihak MAVCAP.

4. Menurut pihak Expedient Equity Sdn Bhd, Mobile Wallet Sdn Bhd telah memeterai perjanjian kerjasama perniagaan dengan CWW Worldwide Sdn Bhd dalam bulan Mei 2007. Di bawah perjanjian tersebut, Mobile Wallet Sdn Bhd menawarkan penggunaan teknologi pembayarannya kepada CWW Worldwide Sdn Bhd. Walau bagaimanapun, kerjasama perniagaan tersebut telah ditamatkan pada 31 Mac 2008.

NW: 26

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : Dato' Mohd Jidin bin Shafee [Setiu]

TARIKH : 26 Februari 2009 (Khamis)

SOALAN : 26

Dato' Mohd Jidin bin Shafee [Setiu] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan mengenai keberkesanan peraturan mewajibkan pemakaian tali pinggang keledar belakang dan adakah Kerajaan bercadang untuk memperluaskannya kepada kenderaan pengangkutan awam yang lain seperti bas, van dan seumpamanya.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Peraturan pemakaian tali pinggang keledar di tempat duduk belakang telah dikuatkuasakan pada 1 Januari 2009 untuk kereta dan van persendirian. Sebagai contohnya jika dibandingkan dengan perangkaan semasa Ops Bersepadu 2008 dan 2009 didapati kadar kematian melibatkan penumpang menurun sebanyak 32.6% iaitu daripada 43 kematian semasa Ops Bersepadu XVI 2008 kepada 29 kematian semasa Ops Bersepadu XIX 2009.

Mengikut kajian yang dijalankan oleh Institut Penyelidikan Jalan Raya Malaysia (MIROS) terhadap kadar pematuhan pemakaian tali pinggang keledar di tempat duduk belakang mulai 1 Januari 2009 sehingga 15 Februari 2009, mendapati bahawa kadar pematuhan meningkat daripada 6.2% kepada 47.5% dalam tempoh 45 hari. Pihak MIROS juga mensasarkan bahawa kadar pematuhan peraturan ini boleh mencapai 70% pada akhir tahun 2009 dan 85% pada tahun 2010.

Tuan Yang Dipertua,

Berhubung isu mewajibkan pemakaian tali pinggang keledar kepada semua penumpang bas, Kerajaan kini dalam proses melaksanakan untuk bas-bas baru. Sementara itu, bagi bas-bas yang telah berdaftar dan beroperasi, pihak Kementerian sedang berunding dengan pihak industri bagi menetapkan tarikh penguatkuasaan yang sesuai kerana pelaksanaan peraturan ini akan melibatkan implikasi kewangan besar kepada industri pengangkutan awam memandangkan sehingga 31 Disember 2008 sebanyak 64,050 buah bas telah pun didaftarkan di JPJ.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN JOHARI BIN ABDUL
[SUNGAI PETANI]

TARIKH : 26 FEBRUARI 2009

SOALAN :

MINTA MENTERI KERJA RAYA MENYATAKAN PADA BULAN APRIL 2007 TERJADI KEBOCORAN SILING DI IBU PEJABAT JABATAN IMIGRESEN , PUTRAJAYA:-

- (a) BERAPAKAH NILAI KEROSAKAN YANG TELAH DIALAMI
- (b) ADAKAH SEMUA KEROSAKAN TERSEBUT TELAH DIGANTI OLEH PIHAK YANG BERTANGGUNGJAWAB

JAWAPAN :

TUAN YANG DIPERTUA,

UNTUK MAKLUMAN AHLI YANG BERHORMAT,

PAIP AIR JENIS ABS BERSAIZ 32mm YANG MEMBEKALKAN AIR BAGI PANTRI DI DALAM SILING GANTUNG DI TINGKAT 7 JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA TELAH PECAH PADA 11 APRIL 2007 PADA LEBIH KURANG PUKUL 5.00 PAGI MENYEBABKAN KEBOCORAN DARIPADA TINGKAT 7 HINGGA KE TINGKAT 5.

SISTEM BEKALAN AIR PADA SEMUA PANTRI DARI TINGKAT 1 – 7 DIREKABENTUK MENGGUNAKAN DUA UNIT PAM TEKanan (SATU DUTY, SATU STANDBY) DAN SEGALA KEPERLUAN REKABENTUK TELAH DIBUAT OLEH PIHAK PUTRAJAYA HOLDING SDN BHD.

UNTUK MAKLUMAN AHLI YANG BERHORMAT,

KERJA PEMBAIKAN TELAH DIJALANKAN OLEH PIHAK BERIKUT:

- 1. PEMAJU UTAMA : PUTRAJAYA HOLDING SDN BHD**
- 2. KONTRAKTOR ASAL : WCT ENGINEERING SDN BHD**
- 3. KONTRAKTOR PENYELENGGARAAN : SINAR TEKNIK SDN BHD**

SEMUA KOS PEMBAIKAN YANG BERJUMLAH RM350 RIBU TELAH DITANGGUNG OLEH PEMAJU/KONTRAKTOR TERLIBAT KERANA IANYA MASIH DI BAWAH TANGGUNGAN KECACATAN. PIHAK KERAJAAN TIDAK MENANGGUNG SEBARANG KOS PEMBAIKAN.

SOALAN NO. 28

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : Y.B TUAN SALLEH BIN KALBI (SILAM)

TARIKH : 26 FEBRUARI 2009 (KHAMIS)

SOALAN :

Y.B Tuan Salleh bin Kalbi (Silam) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan berapa banyakkah NGO-NGO Malaysia yang aktif menjalankan program kebajikan dan kemanusiaan di negara ini yang mendapat bantuan kewangan daripada Kerajaan atau organisasi luar Negara serta apakah bentuk pemantauan Kerajaan ke atas pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan ini.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) memberikan Bantuan Geran kepada 182 Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK) yang aktif pada tahun 2008 melibatkan

Jawapan ini telah diluluskan oleh Y. Bhg. Datuk KSU. Segala pindaan perlu dirujuk semula kepada pihak Urusetia bagi memastikan kesahihan maklumat.

peruntukan sebanyak RM20.4 juta manakala, terdapat 5 PSK yang pernah mendapat bantuan kewangan daripada organisasi luar yang berjumlah RM485,401.47. PSK tersebut antara lain menyediakan perkhidmatan penjagaan seperti tempat tinggal, makan minum dan penjagaan kesihatan kepada kumpulan sasar JKM yang memerlukan.

Bagi tujuan pemantauan terhadap PSK berkenaan, JKM melaksanakan tindakan-tindakan berikut iaitu:

- i. Melantik Pegawai Kebajikan Masyarakat di daerah atau negeri sebagai pegawai *ex-officio* PSK bagi memberi bimbingan, khidmat nasihat dan memantau program-program yang dilaksanakan;
- ii. Menyemak Laporan Kemajuan PSK setiap tahun sebelum kelulusan pemberian geran dipertimbangkan; dan
- iii. Melakukan lawatan dan naziran bagi memastikan PSK beroperasi mengikut syarat-syarat yang ditetapkan.

Jawapan ini telah diluluskan oleh Y. Bhg. Datuk KSU. Segala pindaan perlu dirujuk semula kepada pihak Urusetia bagi memastikan kesahihan maklumat.

SOALAN NO: 29

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN TONY PUA KIAM WEE
[PETALING JAYA UTARA]
TARIKH : 26 FEBRUARI 2009
RUJUKAN : 1517

SOALAN :

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah keadaan keselamatan di Malaysia amat serius kerana kes rompakan setiap 100,000 penduduk adalah 90.49 di Malaysia, manakala di Hong Kong dan Jepun hanya 17.56 dan 4.78. Kes rogol pula, indeks Malaysia 11.47, manakala Hong kong dan Jepun hanya 1.54 dan 1.62.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Petaling Jaya Utara yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, adalah benar bahawa kadar jenayah samun atau rompak dan rogol berdasarkan kepada per 100,000 penduduk bagi negara Hong Kong dan Jepun adalah jauh lebih rendah daripada Malaysia. Namun begitu, terdapat juga kes-kes di mana kadar jenayah per 100,000 penduduk di Hong Kong dan Jepun adalah jauh lebih tinggi daripada Malaysia seperti jenayah kadar jenayah mendatangkan cedera di mana Malaysia hanya mencatatkan kadar 24.92 berbanding Jepun sebanyak 24.3 dan Hong Kong sebanyak 125. Selain itu, bagi semua jenis kecurian, kadar yang dicatatkan di Malaysia ialah 728.56 dan jauh lebih rendah berbanding Jepun iaitu sebanyak 1122.7.

Tuan Yang Dipertua,

Apabila keseluruhan kategori jenayah diambil kira mengikut kadar jenayah per 100,000 penduduk, jelas bahawa Malaysia masih mencatatkan kadar jenayah per 100,000 yang lebih rendah berbanding Jepun. Perbezaan-perbezaan ini timbul disebabkan oleh kriteria yang digunakan dalam pengukuran adalah berbeza. Sebagai

contoh, mengikut laporan Interpol, semua jenis kecurian (all kinds of theft) adalah terdiri daripada kes-kes berikut, iaitu curi menggunakan kekerasan (*aggravated theft*), curi motokar (*theft of motor vehicle*) dan lain-lain curi (*other theft*).

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan sedang merangka penstrukturan semula organisasi Polis Diraja Malaysia, bagi mewujudkan tumpuan yang lebih fokus terhadap bidang tugas kepolisan. Melalui projek seperti Unit Risikan Jenayah (*Crime Intelligence Unit*) yang sedang diusahakan oleh pihak polis, Kerajaan mensasarkan untuk menjadikan Polis Diraja Malaysia sebagai *Intelligence Lab Agency* di mana satu rangkaian perhubungan bersepadu bakal diwujudkan bagi meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan pihak polis.

NW: 30

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK MD. SIRAT BIN ABU (BUKIT KATIL)
TARIKH : 26.02.2009 (KHAMIS)
NO. SOALAN : 30

DATUK MD. SIRAT BIN ABU minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan sejauh manakah kempen dan usaha untuk memujuk peniaga menurunkan harga barang telah mencapai kejayaan. Berapa banyakkah barangan yang telah diturunkan harga serta berapakah kadar penurunan tersebut.

Tuan Yang Dipertua,

Kempen Penurunan Harga telah dimulakan pada 24 Oktober 2008 di mana syarikat pengeluar susu NUGROW telah untuk menawarkan produknya pada harga yang lebih rendah kepada peruncit. Kempen Penurunan Harga telah diteruskan dengan komitmen daripada pasaraya besar asing dan tempatan seperti Giant, Tesco, Mydin, Carrefour, Jusco dan The Store. Kempen ini juga mendapat sambutan baik daripada beberapa pasaraya tempatan seperti UO Superstore, Sunshine, Econsave, Tunas Manja, TF Value dan sebagainya. Produk yang terlibat di dalam kempen ini ialah terdiri daripada barangan keperluan harian pengguna seperti makanan (makanan segar dan bungkus), barangan keperluan bayi, barang penjagaan diri dan serbuk pencuci.

Di samping pasaraya besar dan pasaraya tempatan dan asing, Persatuan Pengusaha Restoran Muslim Malaysia (PRESMA) dan Persatuan Pengusaha Restoran India Malaysia (PRIMAS) juga telah memberi komitmen untuk turut serta dalam Kempen Penurunan Harga.

Secara kesefuruhannya jumlah produk yang terlibat dalam kempen ini ditawarkan oleh setiap pihak terlibat adalah di antara 58 hingga 2120 produk. Jumlah potongan yang diberikan pula di antara 5% hingga 50%. Sehingga kini sebanyak 20 buah syarikat pemiagaan telah menyertai kempen ini yang telah dirasmikan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri, YB. Dato' Shahrir bin Abdul Samad tidak termasuk yang dirasmikan oleh individu-individu lain yang dibuat di negeri-negeri.

Kempen Penurunan Harga akan diteruskan bagi menjamin kepentingan semua rakyat untuk mendapat faedah dari penjimatan yang ditawarkan. Adalah menjadi harapan Kementerian agar lebih banyak pihak, terutamanya pihak pembekal bahan mentah dan pengeluar produk akan tampil untuk memberi kerjasama dan komitmen bagi menjayakan usaha Kementerian ini.

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Datuk Haji Yusoff bin Haji Mahal [Labuan]**

TARIKH : **26 FEBRUARI 2009 (Khamis)**

SOALAN : Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang atau akan dirancang untuk memajukan sektor dan industri penangkapan ikan laut dalam (DEEP-SEA FISHING), khususnya penangkapan ikan tuna yang mempunyai pasaran yang baik terutamanya di luar negara berikutan kawasan perairan Wilayah Persekutuan Labuan mempunyai potensi di bidang ini kerana ianya terletak di antara perairan Sabah dan Sarawak.

JAWAPAN

: Perikanan tuna merupakan industri yang berpotensi tinggi dan mendatangkan pendapatan yang lumayan kepada pengusaha khususnya dan Negara amnya. Pada tahun 2006, perdagangan tuna di peringkat antarabangsa (nilai eksport) mencecah RM22.5 billion.

Tuna merupakan produk perikanan ketiga terpenting diperdagangkan (8% daripada nilai perdagangan perikanan) selepas udang dan *ground fish*. Amerika Syarikat merupakan pasaran utama tuna tin dan diikuti dengan Eropah. Manakala Jepun merupakan pengimport utama tuna segar dan diikuti oleh Taiwan.

Kerajaan memang menggalakkan pihak swasta menceburi dalam bidang laut dalam dan khusus kepada tuna. Pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh kerajaan bagi membangunkan perusahaan tuna negara.

LKIM merupakan salah satu agensi yang diberikan tanggungjawab telah menyediakan kemudahan pelabuhan pendaratan ikan di Labuan dan Tanjung Manis sekaligus akan menyokong pendaratan ikan tuna di perairan tersebut. Pembinaan Kompleks LKIM Labuan yang bermula pada 11 Jun 2007 dengan kos sebanyak RM 8,770,190.50 dijangka siap pada April

2009 dan akan beroperasi pada Mei 2009.

Pembinaan Kompleks LKIM Labuan meliputi komponen-komponen sepertimana berikut:-

- i. Jeti T-Shape (65mx 70m)
- ii. Pejabat Pentadbiran Dewan Pemasaran
- iii. Pejabat Peniaga (10 Lot)
- iv. Depo Minyak
- v. Surau
- vi. Tandas Awam
- vii. Kebuk Sampah
- viii. Pondok Jaga
- ix. Bilik Sejuk (2 unit - 10 tan/unit)
- x. Forklift (2 buah)

LKIM juga sedang dalam penyediaan Kajian Halatuju Industri Tuna Negara 2010 -2020, yang dijangka siap sepenuhnya pada awal bulan April 2009. Disamping itu juga satu operasi percubaan rawai tuna automatik di perairan Semporna iaitu di Pulau Ligitan dan Terumbu Layang-Layang sedang dijalankan dan operasi ini akan berakhir pada pertengahan bulan Mac 2009. Program ini adalah bertujuan untuk menggunakan kaedah peralatan dan teknologi baru serta mengenalpasti kawasan-kawasan yang banyak

terdapatnya ikan tuna.

Setakat ini hanya satu syarikat yang menjalankan operasi penangkapan tuna di Labuan iaitu Syarikat Rei Management Sdn. Bhd. Pada tahun 2008, hasil tangkapan tuna adalah bernilai RM2.439 juta dengan kuantiti sebanyak 653.3 mt. Jenis-jenis tuna adalah terdiri daripada yellowfin, skipjack dan bigeye.

NO: 32

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : **Bagi Jawab Lisan**
DARIPADA : **Dato' Ismail bin Kasim**
TARIKH : **26 Februari 2009 (Khamis)**
SOALAN : **32**

Dato' Ismail bin Kasim [Arau] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sejauh manakah kejayaan penguatkuasaan Kod Keselamatan Kemudahan Perkapalan Antarabangsa dan Pelabuhan (ISPS) sepertimana yang disarankan oleh Majlis Pertubuhan Maritim Antarabangsa (IMO) kepada komuniti perkapalan tempatan, kawalan keselamatan dan penguatkuasaan di pelabuhan tempatan dalam usaha kita menjamin keselamatan kapal dan pelabuhan kita?

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Pelaksanaan *International Ships and Port Facility Security Code (Kod ISPS)* oleh Majlis Pertubuhan Maritim Antarabangsa (IMO) telah membawa satu perubahan yang positif kepada aspek sekuriti, keselamatan kapal-kapal dan fasiliti pelabuhan. Sejak kod ISPS diperkenalkan di Malaysia, ia telah meningkatkan tahap kesedaran masyarakat perkapalan terhadap peri pentingnya aspek keselamatan di samping mewujudkan satu sistem sekuriti yang lebih menyeluruh

yang melibatkan kerjasama di antara semua agensi dan pihak-pihak berkaitan dan yang relevan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sehingga kini sebanyak 84 kemudahan pelabuhan di Malaysia yang mengendalikan kapal asing telah dikeluarkan sijil *Statement of Compliance* dan sebanyak 421 kapal Malaysia yang terlibat dalam perkapalan antarabangsa telah dikeluarkan sijil *International Ship Security Certificate* di bawah Kod ISPS.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini juga, kedua-dua sijil *Statement of Compliance* dan *International Ship Security Certificate* ini merupakan sijil yang diperlukan bagi mana-mana pelabuhan atau kapal untuk mengendalikan perkapalan antarabangsa. Oleh yang demikian, bilangan kemudahan pelabuhan dan kapal-kapal yang dinyatakan sebelum ini adalah merupakan angka sebenar kapal-kapal serta kemudahan pelabuhan Malaysia yang memerlukan kepatuhan kepada Kod ISPS tersebut.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DR. MUJAHID BIN HAJI YUSOF RAWA
[PARIT BUNTAR]
TARIKH : 26 FEBRUARI 2009
SOALAN :

Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [Parit Buntar] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan usaha yang dijalankan bagi meningkatkan jumlah pakar dalam onkologi yang dikatakan kritikal.

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam usaha menambah bilangan pakar khususnya dalam bidang onkologi, Kementerian telahpun mengambil tindakan untuk menambah bilangan tempat untuk Pegawai Perubatan melanjutkan pelajaran dalam bidang kepakaran ini.

Oleh kerana bidang onkologi adalah merupakan bidang sub-kepakaran yang memerlukan pegawai perubatan terlibat mempunyai kepakaran asas seperti paediatrik, orthopedik, radiologi, dan sakit puan, sepanjang tahun 2001 hingga 2008, seramai 27 orang

Pegawai Perubatan telah dan sedang melanjutkan pelajaran dalam bidang sub-kepakaran ini.

Bagi memastikan Perkhidmatan Onkologi dapat dipertingkatkan kerajaan telah mengambil beberapa langkah iaitu:

- i. Pengambilan pakar warganegara asing untuk bekerja secara kontrak; dan
- ii. Pengambilan pakar swasta berkhidmat secara sessional.

Pada masa ini terdapat seramai 14 orang Pakar Onkologi yang berkhidmat di Kementerian Kesihatan. Dari jumlah tersebut 3 orang adalah warganegara asing yang dilantik secara kontrak. Selain dari itu terdapat 2 orang lagi pakar onkologi swasta yang berkhidmat secara sesional di hospital Kementerian.

Bagi menambahkan bilangan pakar dalam bidang Onkologi, selain dari menjalankan latihan Program Sarjana Perubatan Onkologi di Universiti Malaya, pihak Kementerian juga menghantar doktor-doktor untuk mendapatkan kelulusan kepakaran dalam bidang ini di luar negara. Latihan lanjutan juga disediakan dari peruntukan modal insan bagi menghantar pakar dan anggota sokongan yang lain menjalani latihan di luar negara.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI MOHD NOR BIN OTHMAN
(HULU TERENGGANU)
TARIKH : 26.02.2009

SOALAN:

Y.B. TUAN HAJI MOHD NOR BIN OTHMAN [HULU TERENGGANU] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah langkah yang diambil untuk mengiktiraf guru-guru yang mempunyai kelulusan Master dan Ph.D.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa berusaha memartabatkan profesion keguruan dengan meningkatkan kualiti guru, kerjaya guru dan kebajikan guru. Matlamat KPM adalah untuk menjadikan profesion keguruan dihormati dan dipandang tinggi sesuai dengan amanah yang dipikul serta menjadi idola kepada murid-murid yang bakal mewarisi generasi masa hadapan.

Justeru, KPM sentiasa memastikan profesionalisme guru-guru sentiasa berada pada tahap memuaskan agar dapat melaksanakan tanggungjawab dengan berkesan. Dalam kalangan guru yang mempunyai kelulusan Sarjana dan Phd, pengetahuan, pengalaman dan kepakaran mereka dapat dimanfaatkan melalui perkongsian ilmu dengan guru-guru lain di sekolah. KPM juga menyediakan peluang dan ruang yang luas kepada pegawai-pegawai ini melalui kenaikan pangkat sebagai Guru Cemerlang dan Pensyarah Cemerlang di Institut

Pendidikan Guru (IPG), Institut Aminuddin Baki (IAB) dan Kolej Matrikulasi. KPM juga memberi keutamaan kepada pemegang ijazah Sarjana dan Doktor Falsafah untuk mengisi jawatan pensyarah di institusi berkenaan.

Walaupun perkara berkaitan anjakan gaji dan kenaikan pangkat untuk pemegang Ijazah Sarjana dan Kedoktoran adalah di bawah bidang kuasa agensi pusat, KPM sentiasa perihatin dengan mengambil maklum cadangan dan pandangan daripada kesatuan guru dan pihak yang berkaitan dalam usaha untuk terus memartabatkan profesion keguruan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Dato' Haji Ab. Halim Bin Ab. Rahman
[Pengkalan Chepa]
TARIKH : 26 Februari 2009
SOALAN : Dato' Haji Ab. Halim Bin Ab. Rahman [
Pengkalan Chepa] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah
langkah-langkah untuk mencegah berlakunya gejala murtad di kalangan
umat Islam dan saudara baru.

Jawapan:

Tuan Yang di Pertua,

- (a) Langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan untuk membendung dan menangani gejala murtad di kalangan umat Islam dan saudara baru di Malaysia adalah melalui beberapa pendekatan, antaranya ialah seperti berikut:-
- i. Mengkaji punca-punca terjadinya percubaan murtad di kalangan umat Islam di Malaysia, termasuklah orang-orang Melayu dan saudara baru;
 - ii. Mempertingkatkan program dan aktiviti keagamaan seperti mengadakan ceramah, forum dan kursus yang menekankan betapa pentingnya kefahaman akidah Islam kepada semua

NO SOALAN: 24

lapisan masyarakat. Ianya bertujuan memurnikan akidah umat Islam dari sebarang unsur yang boleh mencemarinya; dan

- iii. Memberi khidmat nasihat dan kaunseling kepada mereka yang memohon untuk murtad;

(b) Isu murtad ini sebenarnya sentiasa diberi perhatian utama oleh pihak Kerajaan sejak beberapa tahun yang lalu dengan mengambil beberapa langkah menanganinya seperti berikut:

- i) Memulih golongan yang ingin murtad.
- ii) Memperteguhkan Akidah Saudara Baru.
- iii) Mengawal dan menyekat orang Islam dari murtad

(c) Setakat ini tiada undang-undang yang khusus berkenaan dengan murtad digubal. Walau bagaimanapun Kerajaan mengambil berat mengenai perkara ini. Penelitian yang mendalam dan menyeluruh perlu dibuat sebelum Kerajaan menggubal suatu undang-undang terutamanya undang-undang yang berkaitan dengan murtad kerana ia merupakan suatu perkara yang sangat sensitif.

NO SOALAN: 24

Berdasarkan Perkara 11(4) Perlembagaan Persekutuan, beberapa buah negeri telah menggubal undang-undang yang dinamakan sebagai Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam Kepada Orang Islam. Undang-undang ini diwujudkan adalah bertujuan untuk mengawal dan menyekat pengembangan iktikad dan kepercayaan agama bukan Islam di kalangan orang yang menganuti agama Islam demi menjamin kehormatan dan kesucian Islam.

- (d) Memulih golongan yang ingin murtad melalui kelas-kelas bimbingan di pusat-pusat pemulihan seperti Pusat Pemulihan Akidah di Jelebu, Negeri Sembilan, di negeri-negeri dan sebagainya.
- (e) Memperteguhkan Akidah Saudara Baru melalui program-program ziarah berkala dan dakwah 'bil hal' oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Agama Islam Negeri-negeri (JAIN).
- (f) Mengawal dan menyekat orang Islam dari murtad.
- (g) Memperbanyakkan kelas-kelas bimbingan Saudara Baru di Pusat dan di pihak berkuasa Agama negeri-negeri.
- (h) Mengadakan kelas-kelas bimbingan dan bantuan-bantuan kebajikan kepada Saudara Baru oleh Badan-badan NGO Islam

NO SOALAN: 24

yang dibantu kewangannya oleh Majlis-majlis Agama Islam Negeri melalui asnaf muallaf zakat.

Dari segi jangka panjang pula Kerajaan telah mengambil tindakan seperti berikut:-

- i. Memperkemaskan kelas-kelas al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) kepada murid-murid Islam dari umur tujuh hingga 12 tahun dengan menambahkan elaun guru-guru KAFA dari RM288.00 kepada RM500.00 sebulan dan Penyelia dari RM500.00 kepada RM750.00 sebulan.
- ii. Mengadakan pendidikan jawi, al-Quran, fardhu ain dan Bahasa Arab (J-QAF) kepada murid-murid Islam di sekolah-sekolah seluruh Malaysia yang dilaksanakan secara berperingkat-peringkat. Guru-guru Agama yang berkelayakan telah pun diambil dan dilatih bagi tujuan pendidikan tersebut

No: 36

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : **DATUK HALIMAH BINTI MOHD SADIQUE (TENGGARA)**
PERTANYAAN : **LISAN**
TARIKH : **26.02.2009** **SOALAN NO: 36**

Datuk Halimah binti Mohd Sadique (Tenggara) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan Biro Pengaduan Awam (BPA) telah membuat pendedahan bahawa ada Bank Tempatan di Malaysia bersubahat dengan sindiket tertentu bagi membocorkan maklumat peribadi pelanggan mereka sehingga menyebabkan kes kehilangan wang dalam akaun berleluasa dan apakah tindakan Kerajaan berkaitan dengan sistem keselamatan untuk menjaga akaun pelanggan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, membocorkan maklumat peribadi pelanggan merupakan kesalahan di bawah seksyen 97(1), Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989, dan jika didapati bersalah, hukuman maksimum adalah 3 tahun penjara dan/atau denda RM3 juta. Hasil siasatan Bank Negara Malaysia menunjukkan tiada

bank yang bersubahat dengan sindiket bagi membocorkan maklumat peribadi pelanggan.

2. Bank Negara Malaysia mendapati bahawa pemindahan dana secara tidak sah berpunca daripada pemegang akaun yang dengan sedar atau tidak, mendedahkan maklumat peribadi mereka seperti memberikan nombor pengenalan diri (PIN) dan kata laluan kepada pihak ketiga atau pihak yang tidak bertanggungjawab. Kebanyakan pengadu tidak mahir dalam penggunaan Internet dan tidak menjangka bahawa tindakan mereka boleh mengakibatkan kehilangan wang melalui pemindahan dana secara tidak sah daripada akaun mereka.

3. Prasarana mesin ATM dan transaksi perbankan Internet adalah selamat. Terdapat sistem kawalan keselamatan yang lengkap serta sistem amaran penipuan bagi mengesan sebarang transaksi yang meragukan di semua institusi perbankan. Ini ditambah lagi dengan usaha pihak industri perbankan memberi notis amaran yang dipaparkan di laman web dan mesin ATM bagi memaklumkan kepada para pelanggan mereka tentang penipuan-penipuan berkenaan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN ABDULLAH SANI BIN
ABDUL KARIM
[KUALA LANGAT]
TARIKH : 26 FEBRUARI 2009
SOALAN :

Tuan Abdullah Sani Bin Abdul Karim [Kuala Langat] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan tindakan Kerajaan bagi memastikan hospital serta pakar-pakarnya adalah berkualiti demi menjamin perkhidmatan terbaik.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk meningkatkan mutu perkhidmatan dengan cara yang lebih sistematik serta terancang, Kementerian Kesihatan telah mengimplimentasi Program Kepastian Kualiti atau *Quality Assurance Programme* (QAP). Ketika ini, terdapat lebih daripada 22 aktiviti peningkatan kualiti yang dijalankan oleh hospital-hospital Kementerian Kesihatan termasuk Program Akreditasi Hospital dan Persijilan ISO, *National Indicator Approach* (NIA), *Key Performance*

Indicators (KPI), Hospital Infection Control, Program Patient Safety, Program Audit seperti Peri-operative Mortality Review, Adult Intensive Care Unit Audit, Credentialing of Health Care Professionals, Occupational Safety and Health, Client Complaints Management dan lain-lain.

Kajian soal-selidik *Patient Satisfaction Survey* untuk mengukur tahap kepuasan pelanggan serta memperbaiki kekurangan yang ada untuk mempertingkatkan kualiti perkhidmatan juga dilaksanakan.

Untuk menentukan bahawa sesebuah hospital telah mencapai piawaian antarabangsa, hospital-hospital Kementerian Kesihatan diwajibkan untuk menjalankan *Hospital Accreditation Survey* seperti piawaian yang telah ditetapkan oleh *Malaysian Society for Quality in Health (MSQH)*. Setakat ini sebanyak 72 hospital Kementerian Kesihatan telah mencapai pengiktirafan antarabangsa tersebut. Tambahan pula, sebanyak 58 hospital Kementerian Kesihatan telah berjaya mencapai pengiktirafan sistem pengurusan kualiti melalui program pensijilan ISO.

Selain daripada aktiviti-aktiviti peningkatan kualiti tersebut, berikut adalah antara usaha-usaha Kerajaan untuk menerapkan kualiti di dalam perkhidmatan yang diberikan:

- i. Menambahkan bilangan doktor, doktor pakar dan kakitangan perubatan lain di hospital Kerajaan mengikut keperluan semasa. Mulai tahun 2008 pengambilan bagi kursus sarjana

- pelbagai disiplin adalah seramai 600 orang, berbanding 450 orang setahun pada tahun-tahun sebelum ini;
- ii. Terdapat juga peningkatan bilangan yang diberi latihan *sub-specialty* di mana pada tahun 2007 seramai 375 orang telah mengikuti latihan *sub-specialty* berbanding 290 orang pada tahun 2006;
- Memberi dan menjalankan latihan '*continous professional development*' dalam perkhidmatan yang terancang bagi semua kategori kakitangan perubatan untuk mempertingkatkan pengetahuan dalam perawatan pesakit yang terkini;
 - Mendedahkan kakitangan perubatan kepada latihan '*soft skill*' dalam mempertingkatkan komunikasi dan layanan semasa penjagaan dan perawatan pesakit secara berterusan; dan
 - Memperkemaskan kelengkapan hospital dengan yang terkini dan moden seperti *CT scan, MRI, ventilator* serta peralatan-peralatan diagnostik dan perawatan perubatan lain.

PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA, PARLIMEN
KEDUA BELAS DEWAN RAKYAT
SOALAN JAWAPAN LISAN

TARIKH : 26 Februari 2009

SOALAN : DATO' SHAMSUL ANUAR BIN NASARAH [LENGGONG]
minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Kerajaan
mempunyai rancangan untuk menubuhkan Biro Pengaduan
Awam di setiap daerah :-

- (a) memberikan statistik aduan yang diterima, jenis aduan dan penyelesaian yang dilakukan Kerajaan daripada setiap rungutan rakyat; dan
- (b) sejauh mana kesedaran rakyat terhadap fungsi Biro Pengaduan Awam.

JAWAPAN : Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan tiada rancangan untuk menubuhkan Biro Pengaduan Awam di setiap daerah setakat ini.

- a. Pada tahun 2008, BPA telah menerima sebanyak 8,066 aduan dari orang ramai, yang mana 7,308 aduan (90.6%) telah berjaya diselesaikan. Bagi tempoh 1 hingga 31 Januari 2009 pula, BPA telah menerima sebanyak 655 aduan, yang mana 192 aduan (29.3%) telah berjaya diselesaikan.

BPA mengklasifikasikan aduan yang diterima daripada orang ramai kepada 10 kategori seperti berikut:

1. Kelewatan atau tiada tindakan
2. Tindakan tidak adil
3. Kekurangan kemudahan awam
4. Kepincangan pelaksanaan Dasar dan kelemahan, Undang-Undang
5. Salah guna kuasa atau penyelewengan
6. Salah laku anggota awam
7. Kegagalan mengikut prosedur yang ditetapkan
8. Kegagalan penguatkuasaan
9. Kualiti perkhidmatan yang tidak memuaskan termasuk kaunter dan telefon
10. Pelbagai aduan

Kaedah penyelesaian aduan yang digunakan oleh BPA adalah menerima semua aduan tanpa prejudis, menyiasat setiap aduan yang diterima dengan kerjasama agensi berkenaan dan memaklumkan keputusan kepada pengadu. Sekiranya aduan masih tidak dapat diselesaikan, perkara tersebut akan dirujuk kepada Mesyuarat Jawatan Kuasa Tetap Pengaduan Awam (JKTPA) yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara untuk keputusan.

- b. Kesedaran rakyat terhadap fungsi Biro Pengaduan Awam boleh dilihat melalui peningkatan aduan yang diterima. BPA telah menerima sebanyak 8,066 aduan pada tahun 2008, berbanding dengan 5,347 aduan pada tahun 2007 dan 4,640 aduan pada tahun 2006.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 39

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN KHALID BIN ABDUL SAMAD
[SHAH ALAM]**

TARIKH : 26 FEBRUARI 2009

RUJUKAN : 1520

Soalan :

Tuan Khalid bin Abdul Samad [Shah Alam] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan polis terhadap kumpulan yang mendakwa mereka dari pertubuhan bernama **PEWARIS** yang secara terang-terangan cuba mencetuskan ketegangan kaum di Seksyen 19, Shah Alam pada 8 Januari lalu.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Shah Alam yang mengemukakan soalan.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, pada 8 Januari lalu, mengikut laporan dan pemantauan pihak polis, tiada insiden atau kejadian yang boleh mencetuskan ketegangan kaum dilaporkan berlaku di Seksyen 19, Shah Alam.

Tuan Yang Dipertua,

Pihak polis sentiasa peka terhadap aktiviti-aktiviti oleh individu mahupun kumpulan yang boleh menjejaskan perpaduan kaum di negara ini. Selain pemantauan rapi, pihak polis akan mengambil tindakan yang bersesuaian dengan undang-undang semasa yang sedang berkuat kuasa di negara ini terhadap mereka yang terlibat dengan kegiatan sedemikian.

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' MOHD NASIR BIN
IBRAHIM (KUALA NERUS)**

**TARIKH : 26 FEBUARI, 2009
(KHAMIS)**

**SOALAN : DATO' MOHD NASIR BIN
IBRAHIM minta MENTERI
PERTANIAN DAN INDSUTRI
ASAS TANI menyatakan :
ekoran daripada krisis
ekonomi dunia, kita telah
dikejutkan oleh kenaikan
harga barang antaranya
harga beras yang telah naik 2
kali ganda. Apakah usaha**

Kerajaan menangani masalah tersebut agar tidak berlanjut terutama sekali dalam membantu golongan miskin untuk mendapatkan bekal keperluan asas berdasarkan kemampuan mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Dewan Negara,

Kerajaan telah mengambil beberapa langkah bagi menangani masalah kenaikan harga barang terutama kenaikan harga beras. Langkah tersebut adalah seperti berikut :-

A. Langkah Jangka Pendek

- i. Menambah bekalan beras di pasaran dengan membuat pembelian beras dari Thailand dan Vietnam;
- ii. Kerajaan memberi subsidi kepada pengilang sebanyak RM800/MT untuk pengeluaran beras kandungan hancur 15% atau ST 15%;

- iii. Pemberian subsidi dalam bentuk bayaran ke atas perbezaan harga jualan oleh BERNAS kepada pemborong berbanding harga belian beras antarabangsa;
- iv. Meningkatkan jumlah stokpail beras negara bagi menampung bekalan diwaktu kecemasan;
- v. Mengarahkan BERNAS mengeluarkan 100% beras kandungan hancur 15% di semua Kilang Beras Bernas.

B. Langkah Jangka Panjang

- i. Menyedia sejumlah peruntukan yang besar di bawah Dasar Jaminan Makanan untuk membina dan meningkatkan infrastruktur sawah supaya pengeluaran padi meningkat;
- ii. Pemberian subsidi bagi meringankan beban petani dan bagi meningkatkan pengeluaran padi;
- iii. Membuka jelapang padi baru dan pemulihan tanah sawah terbiar;

- iv. Menyediakan peruntukan bagi tujuan kajian dan penyelidikan untuk capai sasaran saradiri 86% pada tahun 2010;
- v. Menyediakan peruntukan pembangunan padi bukit di Sabah dan Sarawak.

SOALAN NO: 41

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB
[KUBANG KERIAN]
TARIKH : 26 FEBRUARI 2009
RUJUKAN : 1519

SOALAN :

**Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [Kubang Kerian] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan setakat manakah perkembangan
siasatan polis berhubung perbuatan meletakkan kepala babi di dalam
surau Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (UM) pada 16
Januari lalu.**

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, laporan berhubung kes ini telah diterima di Balai Polis Pantai, Brickfields dan kes ini sedang disiasat oleh pihak polis di bawah Seksyen 298A Kanun Keseksaan iaitu menyebabkan suasana tidak harmoni, perpecahan, atau perasaan permusuhan di atas alasan agama. Setakat ini, pengadu dan seorang lagi saksi telah dirakam percakapan dan siasatan daripada pelbagai aspek juga telah dijalankan. Walaubagaimanapun, pihak polis masih belum menemui sebarang bukti yang boleh membawa kepada jejak serta identiti pelaku jenayah tersebut.

AW-42

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI HAJI AZMI BIN KHALID
[PADANG BESAR]

TARIKH JAWAPAN : 26 FEB 2009 (KHAMIS)

DI DEWAN RAKYAT

SOALAN : NO. 42

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan berapakah jumlah perbelanjaan yang di keluarkan oleh Maxis, DiGi dan Time Telecom untuk membina infrastruktur 'Fibre Optics' dan berapa peratus dari infrastruktur ini telah digunakan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Terdapat enam (6) syarikat pemberi Perkhidmatan Rangkaian utama bagi infrastruktur fiber optik di Malaysia iaitu:

- i. Telekom Malaysia Berhad;
- ii. TIME dotcom Berhad;
- iii. Fiberail Sdn Bhd;
- iv. Fibrecomm Network (M) Sdn. Bhd;

v. DiGi Telecommunications Sdn. Bhd; dan

vi. Maxis Broadband Sdn. Bhd.

Secara keseluruhannya, jumlah perbelanjaan yang telah dibuat oleh Pemberi Perkhidmatan Rangkaian Utama ini untuk membina infrastruktur 'Fibre Optics' adalah dianggarkan sebanyak RM 6.5 Billion. Manakala peratusan dari infrastruktur ini yang telah digunakan secara purata adalah dianggarkan sebanyak 71%

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DR. TAN SENG GIAW
[KEPONG]
TARIKH : 26 FEBRUARI 2009
SOALAN :

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh manakah keadaan penyakit berjangkit di negara amnya dan setiap negeri khasnya. Apakah langkah-langkah yang berkesan dan tahap kerjasama rakyat memerangi penyakit-penyakit seumpama denggi.

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam tempoh 5 tahun dari tahun 2004 hingga 2008, kejadian penyakit berjangkit seperti denggi, tuberculosis, keracunan makanan dan penyakit tangan, kaki dan mulut menunjukkan bilangan kejadian yang tinggi dan didapati berlaku di seluruh negara. Terdapat beberapa kejadian penyakit berjangkit masih kerap berlaku tetapi di beberapa buah negeri sahaja iaitu seperti tifoid (deman kepialu) di Kelantan, kolera (taun) di Sabah, malaria di Sabah dan Sarawak.

Walau bagaimanapun, ada beberapa penyakit berjangkit telah dapat dikawal sehingga kadar kejadiannya tidak lagi menjadi masalah utama kesihatan awam seperti polio, diptheria, pertussis dan kusta.

Dalam memerangi kejadian penyakit berjangkit seumpama denggi beberapa langkah telah diambil oleh Kementerian Kesihatan seperti pengukuhan sistem pemantauan bagi tujuan pengesanan awal kes, meningkatkan aktiviti kawalan vektor dan aktiviti pendidikan kesihatan. Untuk meningkatkan kerjasama rakyat pula beberapa langkah telah diambil seperti:

- i) Meningkatkan pengetahuan dan kesedaran masyarakat berkenaan penyakit denggi melalui pengedaran bahan pendidikan, ceramah, pameran dan kempen 10 minit melalui media elektronik dan media massa.
- ii) Penglibatan masyarakat dalam pencegahan dan kawalan denggi melalui Program *Communication for Behavioural Impact* (COMBI).

NW = 44

LAMPIRAN E

SOALAN 44

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN ABD. RAHMAN BIN BAKRI
[SABAK BERNAM]**

TARIKH : 26 FEBRUARI 2009

**SOALAN : Meminta MENTERI PELANCONGAN
menyatakan:**

sejauh manakah usaha-usaha dan kajian yang telah dijalankan oleh Kerajaan dalam mencari tapak dan lokasi baru sektor Pelancongan, khususnya bagi kawasan luar bandar dan daerah Sabak Bernam.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Di bawah Rancangan Malaysia Ke-Sembilan (2006-2010),

Kementerian telah diperuntukkan sebanyak RM15.95 juta untuk melaksanakan 10 kajian pelancongan yang melibatkan kawasan yang berpotensi pelancongan.

Pelaksanaan kajian ini adalah berdasarkan kepada permohonan agensi pelaksana khususnya pihak Kerajaan

Negeri di mana hasil kajian akan digunakan bagi membangunkan ataupun menambahkan daya tarikan

sesebuah kawasan ataupun produk pelancongan. Bagi

kawasan Sabak Bernam khususnya, tiada permohonan diterima untuk kajian pelancongan. Walau bagaimanapun,

sebanyak RM290,000 telah dibelanjakan oleh Kementerian

Pelancongan bagi pembangunan kemudahan pelancongan

di kawasan Sabak Bernam.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN LIEW CHIN TONG
(BUKIT BENDERA)**

**TARIKH : 26 FEBRUARI 2009
(KHAMIS)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan selain dari sebab tiada amalan ini, apakah masalah dan kesusahan yang dialami oleh Kerajaan untuk mengeluarkan Kertas Putih Pertahanan dan nyatakan apakah perbezaan antara Dasar Pertahanan Negara edisi Rahsia dan Terbuka. Bilakah Dasar Pertahanan Negara baru akan siap diterbit, diumumkan dan dibahas dalam Dewan Rakyat.

SULIT

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, Kerajaan tidak bercadang untuk mengeluarkan Kertas Putih Pertahanan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, penerbitan Kertas Putih di negara ini adalah bertujuan untuk menerangkan sesuatu insiden atau kejadian yang memerlukan penjelasan secara telus seperti *White Paper on the Militant Communist Threat* (1966), Munculnya Ancaman Komunis (1971), Komunis di Sarawak (1972), Peristiwa Memali (1986), Bumiputera Malaysia Finance (BMF) – Hong Kong (1986), Ops Lalang (1987) dan terakhir sekali ialah Status Ekonomi Malaysia (1996). Setakat ini Kerajaan tidak pernah menerbitkan atau mengeluarkan apa-apa dasar Kerajaan melalui Kertas Putih.

Oleh yang demikian, Kerajaan tidak bercadang untuk menerbitkan, mengumumkan dan membahaskan apa yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Bendera sebagai Kertas Putih Pertahanan.

SULIT

Tuan Yang di-Pertua,

Setiap tahun belanjawan pertahanan oleh Kementerian Pertahanan dibahaskan di dalam Dewan yang mulia ini dan ianya merupakan arah tuju pertahanan negara meliputi program-program pemodenan serta meningkatkan keupayaan pertahanan negara secara tahunan.

Kementerian Pertahanan telahpun mengeluarkan Dasar Pertahanan Negara edisi Rahsia, manakala edisi Terbuka sedang disediakan. Apa yang membezakan antara dua (2) edisi tersebut ialah edisi Rahsia adalah untuk rujukan ketenteraan dan pertahanan dengan edarannya terhad kepada Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Kementerian Pertahanan sahaja. Manakala edisi Terbuka pula secara umumnya antara lain memaparkan aspek hubungan kerjasama pertahanan, belanjawan pertahanan, industri pertahanan, sains dan teknologi pertahanan, isu-isu keselamatan dan pertahanan serantau serta luar rantau.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEDUA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB. TUAN KHAIRY JAMALUDDIN
(REMBAU)**
TARIKH : **26 FEBRUARI 2009**
SOALAN :

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan berapakah dana dan jumlah lampu jalan yang diperuntukkan bagi setiap kawasan parlimen di bawah program Lampu Jalan Kampung dan sama ada pihak Kementerian dapat membina Lampu Jalan Kampung bagi jalan Kampung Datuk Budi di Rembau yang tiada jalan serta di kelilingi belukar dan pokok getah

JAWAPAN :

Untuk makluman Yang Berhormat, Agihan peruntukan tidak dibuat mengikut kawasan Parlimen. Pelaksanaan projek melibatkan pemasangan sehingga 10 unit lampu (maksimum) untuk setiap kampung di atas tiang sedia ada dengan memberi tumpuan kepada tempat-tempat tumpuan awam seperti di simpang-simpang jalan, di hadapan masjid dan balai raya.

Berhubung dengan permohonan Yang Berhormat supaya pemasangan LJK dibuat di Kampung Datuk Budi, memandangkan peruntukan LJK tahun 2009 adalah terhad, Kementerian akan menyenaraikannya pada tahun 2010 sekiranya memenuhi skop pelaksanaan projek.

NW: 47

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : DR. LEE BOON CHYE
(GOPENG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 26.2.2009

SOALAN NO : 47

Dr. Lee Boon Chye (Gopeng) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan:-

- (a) bilangan cabutan khas tiket loteri oleh syarikat-syarikat loteri setiap tahun mulai 1999 – 2008; dan
- (b) jumlah keuntungan yang diperolehi dari cabutan khas tersebut dan ke mana keuntungan itu disalurkan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sejumlah 103 cabutan khas (*special draw*) telah dibenarkan oleh Kerajaan untuk diadakan dari tahun 1999 hingga 2008.

2. Jumlah keuntungan yang diterima oleh Kerajaan dari cabutan khas sepanjang tempoh yang dinyatakan ialah RM1,019,947,392.93. Jumlah tersebut telah disalurkan untuk membiayai pelbagai projek yang berbentuk sukan, kebajikan, pendidikan, kesihatan dan kemasyarakatan.

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN : LISAN
DARIPADA : DATUK ROSNAH BINTI ABDUL RASHID
SHIRLIN [PAPAR]
TARIKH : 26 FEBRUARI 2009
SOALAN : Datuk Rosnah Binti Abdul Rashid Shirlin
[Papar] minta Menteri Pertanian Dan Industri
Asas Tani menyatakan:

Peruntukan yang disalurkan oleh Kementerian untuk sistem pengairan kawasan padi di daerah Papar. Bolehkah dinyatakan dengan senarai kawasan padi yang terlibat.

JAWAPAN :

Tuan Yang DiPertua,

Terdapat 3 skim pengairan utama di daerah Papar iaitu Skim Pengairan Papar/Benoni, Skim Pengairan Pengalat dan Skim Pengairan Bongawan dengan jumlah keluasan pengairan dianggarkan 1,480 ha dan taliair sepanjang 45 km.

Dalam Rancangan Malaysia Ke 9, Kementerian telah memperuntukan sebanyak RM5.428 Juta untuk membangunkan sistem pengairan kawasan padi di Daerah Papar. Senarai projek-projek yang dilaksanakan di dalam Rancangan Malaysia Ke-9 adalah seperti berikut;

- i. Rancangan Pengairan Papar

- ii. Kawasan Pengairan Langkawit, (Rancangan-Pengairan Papar)
- iii. Rancangan Pengairan Daigin, Papar (Baru)

Manakala Skim-skim pengairan utama di Daerah Papar adalah seperti berikut;

- i. Skim Pengairan Papar/Benoni
- ii. Skim Pengairan Pengalat
- iii. Skim Pengairan Bongawan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN GWO-BURNE LOH [KELANA JAYA]

TARIKH : 26 FEBRUARI 2009

RUJUKAN : 1525

SOALAN :

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada pihak polis berjaya mengenal pasti anggota polis yang bertanggungjawab melakukan keganasan terhadap insiden di Bandar Mahkota Cheras pada 27 Mei lalu dan apakah tindakannya.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kelana Jaya yang mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Izinkan saya untuk menjawab pertanyaan ini serentak bersama-sama pertanyaan daripada Yang Berhormat Shah Alam bertarikh 25 Februari 2009 kerana pertanyaan-pertanyaan tersebut adalah mengenai perkara yang sama.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, sebanyak 3 laporan polis telah dibuat oleh 3 dari 4 orang yang terlibat di dalam kejadian di Bandar Mahkota Cheras 1 pada 27 Mei 2008. Laporan-laporan tersebut telah dibuat oleh Chan Siew Meng, Chang Jiun Haur dan Cheok Kem Hoo. Kertas siasatan tersebut telah diedarkan kepada Jabatan Peguam Negara, Putrajaya melalui Pejabat Ketua Unit Pendakwaan Selangor. Setelah meneliti kertas siasatan berkenaan, Jabatan Peguam Negara pada 29 Januari 2009 telah memutuskan bahawa tiada sebarang pertuduhan dibuat dan kes ini di NFA. Ini kerana kesukaran kesemua pengadu untuk mengecam mana-mana individu yang terlibat dalam kejadian ini. Walau bagaimana pun, pihak Jabatan Peguam Negara telah

mencadangkan supaya siasatan tatatertib dilaksanakan untuk mengenal pasti kelemahan yang berlaku bagi mengelakkan kejadian seumpama ini berulang.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN DING KUONG HING
[SARIKEI]

TARIKH : 26 FEBRUARI 2009 (KHAMIS)

SOALAN :

MINTA **MENTERI KERJA RAYA** MENYATAKAN BILAKAH PROGRAM PENAMBAHANBAIKAN JALAN RAYA DARI SEMPADAN SARIKEI- BETONG KE SIMPANG JALAN BULAT SEPANJANG 17.5 KILOMETER YANG DIBERI PERUNTUKAN RM81.8 JUTA MENGIKUT RANCANGAN MALAYSIA KE-9 DILAKSANAKAN. JIKA TIDAK DILAKSANAKAN, NYATAKAN SEBAB-SEBABNYA.

JAWAPAN :

TUAN YANG DIPERTUA,

UNTUK MAKLUMAN AHLI YANG BERHORMAT, PROJEK 'MENAIKTARAF JALAN DARI SEMPADAN SARIKEI / BETONG KE PERSIMPANGAN JALAN BULAT, SARIKEI SEPANJANG 17.4 KM TELAH DIPOHON DIDALAM KAJIAN SEPARUH PENGGAL RMKe-9 DENGAN KOS PROJEK SEBANYAK RM81.8 JUTA.

WALAUBAGAIMANAPUN, PERMOHONAN INI TIDAK DILULUSKAN MEMANDANGKAN KEUTAMAAN KERAJAAN DILETAKKAN KEPADA PROJEK-PROJEK RMKe-9 SEDIAADA YANG TURUT MENGHADAPI MASALAH PERUNTUKAN DISEBABKAN OLEH KENAIKAN HARGA BAHAN BINAAN DI PASARAN TEMPATAN.

SOALAN NO : 51

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ
[SUNGAI SIPUT]
TARIKH : 26 FEBRUARI 2009
SOALAN :

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada kos pendidikan yang tinggi di universiti swasta akan mengurangkan kerelaan doktor berkhidmat di kawasan pedalaman.

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, penempatan Pegawai Perubatan dibuat berdasarkan kekosongan jawatan dan keperluan perkhidmatan. Sehubungan itu, dalam proses penempatan, latarbelakang pendidikan seseorang Pegawai Perubatan itu tidak diambil kira memandangkan tanggungjawab yang perlu dipikul dalam perkhidmatan awam terdapat di mana-mana sahaja. Seharusnya, seorang Pegawai Perubatan itu perlu bersedia untuk ditempatkan di mana-mana sahaja selagi mana perkhidmatan kesihatan itu diperlukan tidak kira di kawasan bandar, kawasan luar bandar mahupun kawasan luar bandar.

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan : LISAN

Daripada : Y.B. Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit)

Tarikh : 26 Februari 2009 (Khamis)

Soalan : Y.B. Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit)

minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI
ASAS TANI menyatakan:-

Beberapa banyak wang yang telah dibelanjakan untuk membantu petani dan membangunkan industri asas tani di Negeri Sarawak dalam tahun 2008. Sila senaraikan jenis bantuan itu.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan Persekutuan telah menyediakan peruntukan yang besar dalam usaha untuk membantu petani dan membangunkan industri asas tani di seluruh negara, termasuk petani, penternak dan nelayan di Negeri Sarawak.

Dalam tahun 2008, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah menyalurkan sejumlah RM54.87 juta kepada Jabatan Pertanian Negeri Sarawak, RM3.86 juta kepada Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dan RM143,150 kepada FAMA bagi melaksanakan projek-projek pertanian, ternakan dan perikanan bagi membantu Petani, Penternak dan Nelayan di Sarawak.

Sementara itu, Kementerian Perusahaan Peladangan dan Komoditi pula telah memperuntukan sebanyak RM25.71 juta kepada Lembaga Lada Malaysia bagi melaksanakan Program Peningkatan Produktiviti dan Pendapatan Pekebun Kecil Lada di Sarawak serta Projek Penanaman Lada di Kawasan Penempatan Semula Bakun/Sg. Asap. Lembaga Koko Malaysia juga telah diperuntukan sebanyak RM4.97 juta bagi melaksanakan Program Pemulihan Tanaman Koko, Program Konsolidasi Kelompok, Pembangunan Usahawan Tani dan Program Pembangunan Kapasiti.

Bagi pembangunan industri asas tani yang melibatkan aktiviti tambah nilai kepada produk pertanian melalui aktiviti pemprosesan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah menyalurkan sebanyak RM258,660 kepada Kementerian Pemodenan Pertanian Sarawak untuk tujuan tersebut.

Senarai bantuan yang disediakan adalah dalam bentuk:

- i. benih,
- ii. input pertanian seperti baja dan racun,
- iii. mesin dan peralatan,
- iv. makanan ternakan dan
- v. pembinaan bengkel dan peralatan

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN FONG KUI LUN

KAWASAN : BUKIT BINTANG

TARIKH : 26.02.2009 (KHAMIS)

Y.B. TUAN FONG KUI LUN (BUKIT BINTANG) minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan impak Pelaburan Terus Asing (FDI) ke atas ekonomi Malaysia sepanjang 5 tahun lalu dengan menyatakan perangkaan kemasukan dan penarikan diri para pelabur asing berikutan kemerosotan ekonomi dunia sejak akhir-akhir ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Pada tahun 2004, jumlah pelaburan di dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan berkaitan perkilangan berdasarkan projek-projek yang diluluskan adalah berjumlah RM28.8 bilion. Daripada Jumlah

tersebut, RM13.2 billion merupakan pelaburan langsung asing (FDI) manakala selebihnya RM15.6 billion merupakan pelaburan tempatan.

Pada tahun 2005 pula, jumlah FDI yang dicatatkan adalah RM17.8 billion iaitu peningkatan sebanyak 34.8 peratus daripada FDI yang dicatatkan pada tahun 2004.

Bagi tahun 2006, jumlah FDI adalah sebanyak RM20.2 billion, iaitu peningkatan sebanyak 13.65 peratus berbanding jumlah pelaburan pada tahun sebelumnya berjumlah RM17.8 billion.

FDI dalam sektor perkilangan pada tahun 2007 terus meningkat kepada RM33.4 billion iaitu peningkatan sebanyak 65.1 peratus berbanding tahun 2006.

Pada tahun 2008, jumlah FDI yang diluluskan adalah sebanyak RM46.1 billion. Jumlah FDI pada tahun 2007 dan 2008 juga telah melebihi sasaran Pelan Induk Perindustrian Ketiga iaitu sebanyak RM27.5 billion setahun untuk pelaburan asing dan tempatan.

Tuan Yang Di Pertua,

Jumlah projek yang telah diluluskan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan berkaltan perkilangan adalah seperti berikut :

<u>Tahun</u>	<u>Projek</u>
• 2004	1101
• 2005	1026
• 2006	1063
• 2007	949
• 2008	919

Daripada jumlah projek yang diluluskan, sebanyak 12 projek milik syarikat asing yang memegang lesen pengilang dengan Kementerian telah menghentikan operasi mereka pada tahun 2004. Ini diikuti oleh 13 syarikat pada tahun 2005, 21 syarikat pada tahun 2006, 17 syarikat pada tahun 2007 dan 17 syarikat pada tahun 2008.

Antara sebab-sebab bagi penutupan kilang-kilang tersebut adalah kerana:

- i) penurunan dalam jualan dan permintaan pasaran;
- ii) peningkatan dalam kos pengeluaran;
- iii) masalah kewangan;
- iv) sumber bahan mentah yang terhad;
- v) pengambilalihan oleh syarikat lain; dan
- vi) penstrukturan semula syarikat.

PARLIMEN MALAYSIA

PERTANYAAN-PERTANYAAN BUKAN LISAN

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK HAJI MOHAMED BIN HAJI AZIZ (SRI GADING)

TARIKH : 26 FEBRUARI 2009

SOALAN : DATUK HAJI MOHAMED BIN HAJI AZIZ (SRI GADING) minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan apakah jenis produk yang telah dikomersilkan oleh MARDI dan sejauh manakah sambutan terhadap produk-produk keluaran MARDI di pasaran tempatan dan peringkat antarabangsa.

JAWAPAN :
Tuan Yang DiPertua,

Terdapat tidak kurang daripada 11 produk teknologi MARDI dalam bidang pemprosesan makanan telah berjaya dikomersialkan dan mendapat sambutan yang menggalakkan di kalangan pengusaha terutama sekali golongan IKS. Antara produk utama yang diceburi sehingga kini adalah seperti berikut:

- Produk minuman kordial
- Produk bakeri dan pasta
- Produk sos
- Produk berasaskan ikan
- Produk berasaskan daging
- Produk snek
- Produk makanan sujukbeku
- Produk mi dan pasta
- Produk rempah
- Produk konfeksioneri dan
- Produk herba

Setakat ini terdapat 17 Syarikat Industri Kecil Sederhana (IKS) yang sedang menggunakan 100% teknologi MARDI (*Lampiran 1*) dalam bidang pemprosesan makanan bagi pengeluaran produk-produk berikut :

- Sos - 7 Syarikt
- Minuman Kordial - 3 Syarikat
- Frozen Food - 1 Syarikat
- Pasta - 1 Syarikat
- Breaded Fruits - 1 Syarikat
- Bakeri - 1 Syarikat
- Convenient Food - 2 Syarikat
- Frozen Tilapia - 1 Syarikat

Pada masa kini terdapat 23 usahawan bimbingan MARDI yang telah berjaya menghasilkan dan menjual produk mereka ke Hypermarket / pasaran tempatan. Antara produk produk tersebut meliputi :

- Produk minuman berkarbonat – 1 Syarikat
- Produk hasilan bakeri – 5 Syarikat

- Produk sos – 3 Syarikat
- Produk hasilan ikan – 5 Syarikat
- Produk snek – 1 Syarikat
- Produk pasta – 2 Syarikat
- Produk jeli buah-buahan – 1 Syarikat
- Produk minuman kordial – 1 Syarikat
- Produk herba – 1 Syarikat
- Produk rosol – 1 Syarikat
- Produk mi segera – 1 Syarikat
- Produk rempah campuran – 1 Syarikat

Hasil daripada program pembangunan usahawan dan pemindahan teknologi, sebagai contoh sebuah syarikat pengeluar minuman berkabonat yang dikenali Syarikat Madura telah berjaya menembusi Pasaraya TESCO. Disamping itu, bagi pasaran luar negara diantaranya Syarikat Zinon Food yang mengeluarkan mi segera telah dapat menembusi pasaran Indonesia. Bagi Sykt. Malaysian Raya Cordial pula produk *concentrate halia* dan asam jawa yang dikeluarkan telah berjaya dieksport ke Perancis.

Sebanyak 15 Syarikat Bimbingan MARDI dalam skim usahawan anak angkat telah berjaya mengeksport produk - produk mereka keluar negara dengan jumlah nilai jualan RM61 juta dan pelaburan sekitar RM 15 juta, seperti berikut :

- ❖ Produk snek/kerepek ubi – 2 Syarikat
- ❖ Minimum berkabonat – 1 Syarikat
- ❖ Produk daging – 1 Syarikat
- ❖ Ikan sejuk beku – 1 Syarikat
- ❖ Produk sos – 6 Syarikat
- ❖ Kerisik – 1 Syarikat
- ❖ Makanan/kuih sejuk beku – 2 Syarikat

❖ Minuman herba – 1 Syarikat

Selain daripada aktiviti penyelidikan untuk pembangunan produk-produk makanan, MARDI juga melakukan penyelidikan dan pembangunan yang merangkumi lima bidang utama lain iaitu: **tanaman, ternakan, industri asas tani, sumber strategik dan bioteknologi**. Bidang-bidang ini merangkumi pengembangan baka baru ternakan dan varieti baru tanaman; makanan ternakan; teknologi baru pembiakbakaan seperti *artificial insemination (AI)* dan *embrioyo transfer (ET)*, dan lain-lain.

Aktiviti khidmat rundingan dan pemindahan teknologi juga dilaksanakan di luar negara (Brunei, Indonesia, Mongolia, Mali, Malawi, Nigeria, Afghanistan, Syria, Rwanda). Lampiran 4 menunjukkan senarai teknologi yang telah dipindahkan di dalam dan luar negara melalui pelbagai kaedah seperti usahasama (JV), pelesenan, khidmat perundingan, khidmat nasihat dan kursus usahawan.

Hubungan kerjasama penyelidikan di peringkat antarabangsa juga sentiasa wujud. Diantaranya adalah seperti: MARDI-JIRCAS, MARDI-JICA, MARDI-AVRDC, MARDI-IRRI, MARDI-CSIRO, MARDI-ICRISAT dan lain-lain

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DR. HIEW KING CHEU
[KOTA KINABALU]
TARIKH : 26 FEBRUARI 2009
SOALAN :**

Dr. Hiew King Cheu [Kota Kinabalu] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bila Hospital Jantung Sabah dapat dimulakan dan beroperasi. Bolehkah projek ini dipercepatkan.

Tuan Yang di-Pertua,

Projek ini sememangnya telah dirancang. Walau bagaimanapun, oleh sebab masalah keselamatan Blok Menara, Hospital Queen Elizabeth baru-baru ini, Kementerian Kesihatan sedang mengkaji kesesuaian pembelian sebuah hospital swasta untuk dijadikan Hospital Kerajaan yang mampu menyediakan perkhidmatan rawatan penyakit jantung. Sebagai persediaan, Kementerian telah mula menghantar anggota-anggota kesihatan yang berkenaan untuk dilatih di Pusat-Pusat Jantung di Malaysia.

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG [IPOH TIMUR]

TARIKH : 26 FEBRUARI 2009

SOALAN:

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan sebab mengapa Kerajaan Persekutuan menyekat dan bukannya memudahkan usaha pemberian hak milik tanah tetap kepada para penduduk kampung-kampung tersusun dan kampung-kampung Cina di negeri Perak sedangkan ini akan menguntungkan rakyat jelata dan membawa pendapatan kepada Kerajaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mana-mana Kerajaan Negeri yang hendak memberi milik tanah pegangan secara selama-lamanya, ia perlulah berdasarkan kepada lunas-lunas undang-undang dan dasar-dasar yang telah ditetapkan oleh Majlis Tanah Negara.

Sekian, terima kasih.

No: 57

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : TUAN MOHD. ABDUL WAHID BIN ENDUT
TARIKH : 26 FEBRUARI 2009 (KHAMIS)
SOALAN : NO. ~~57~~ 57.

Tuan Mohd. Abdul Wahid bin Endut [Kuala Terengganu] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah kajian tahap kepuasan hati tempat kerja kakitangan akademik pelbagai peringkat di universiti-universiti penyelidikan dan universiti apex di Malaysia pernah dilakukan sekiranya ada, apakah keputusannya.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kajian tahap kepuashatian tempat kerja kakitangan akademik pelbagai peringkat di universiti-universiti penyelidikan dan universiti APEX telah dilaksanakan oleh beberapa buah universiti seperti Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Sains Malaysia (USM). USM, umpamanya telah menubuhkan beberapa jawatankuasa dan salah satunya adalah Jawatankuasa APEX "*Talents Management*" yang berperanan mengkaji secara menyeluruh keberkesanan serta pemajuan semua staf termasuk staf akademik universiti bagi meningkatkan tahap kecemerlangan.

Sementara itu, kajian yang dijalankan oleh UPM bagi semua kakitangan termasuk kakitangan akademik pelbagai peringkat pula menunjukkan bahawa kepuasan di tempat kerja adalah pada skala 4 daripada skala 5. Ini menunjukkan bahawa kepuasan di tempat kerja adalah sangat baik.

SOALAN NO: 58

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY A/L R.
SANTIAGO [KLANG]**

TARIKH : 26 FEBRUARI 2009

RUJUKAN : 1527

SOALAN :

**Tuan Charles Anthony A/L R. Santiago [Klang] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan cadangan Kementerian untuk
mengatasi isu kematian dalam lokap dan memastikan siasatan
dijalankan ke atas setiap kes kematian di lokap.**

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Klang yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, pihak Kementerian telah meneliti semula peraturan-peraturan yang dipakai oleh PDRM pada masa ini dari sudut keselamatan tahanan di dalam lokap. Bagi tujuan tersebut, amalan-amalan yang dijalankan seperti lawatan rutin Ketua Polis Balai ke atas lokap pada setiap hari diberikan penekanan yang serius oleh pihak Kementerian. Di samping itu, pegawai-pegawai kanan polis di daerah-daerah juga diberikan tanggungjawab untuk melawat lokap-lokap di kawasan masing-masing mengikut giliran. Arahan juga telah dikeluarkan oleh Ketua Polis Negara supaya dalam setiap sesi soal siasat, seorang pegawai kanan dimestikan hadir sebagai penyelia. Walau bagaimanapun, sebagai usaha penambahbaikan pada masa akan datang, semua sesi soal siasat yang dijalankan oleh pihak polis akan dirakamkan dan disimpan sebagai rekod. Selain itu, semua kematian yang berlaku dalam tahanan polis akan dimaklumkan kepada Majistret. Majistret kemudiannya akan melawat ke tempat di mana berlakunya kematian.

Tuan Yang Dipertua,

Saya ingin menegaskan di sini bahawa berdasarkan kepada kajian ke atas kes-kes kematian dalam lokap, masalah kesihatan menjadi faktor utama penyebab kepada kematian. Selain itu, terdapat juga kes atau kejadian bunuh diri di kalangan orang tahanan dan juga jenayah kekerasan seperti pergaduhan di antara tahanan-tahanan lain sehingga menyebabkan kematian. Setiap kematian dalam lokap akan disiasat dan seterusnya kertas siasatan tersebut akan dirujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya dengan syor supaya kertas siasatan tersebut dirujuk kepada Majistret bagi menjalankan inquest (inquest).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' SERI TIONG KING SING
[BINTULU]
TARIKH : 26 FEBRUARI 2009
SOALAN :

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah pihak Kementerian merancang untuk menaik taraf hospital-hospital di daerah terutama sekali Hospital Bintulu.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan sentiasa mengambil tindakan untuk menaik taraf semua hospital-hospital di bawah Kementerian ini bagi memastikan kemudahan dan perkhidmatan yang diberikan kepada rakyat adalah yang terbaik. Walau bagaimanapun, memandangkan sumber peruntukan yang terhad, Kementerian ini hanya melaksanakan program menaik taraf hospital-hospital. Pada masa ini, Kementerian Kesihatan telah merancang untuk menaik taraf Hospital Bintulu dengan menubuhkan satu unit baru iaitu Unit Kebakaran dengan anggaran kos sebanyak RM6 juta dan projek ini akan dilaksanakan berperingkat secara berterusan dalam masa terdekat.

SULIT

NO SOALAN : 60

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN ER TECK HWA
(BAKRI)**

**TARIKH : 26 FEBRUARI 2009
(KHAMIS)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan mengapa nombor telefon dan faks bilik gerakan dan Bahagian Hal Ehwal Pelatih JLKN sukar dihubungi dari 9 hingga 14 Januari 2009. Adakah direktori perhubungan kem di laman JLKN sentiasa diperbaharui. Siapa yang mengambil keputusan semasa pengarah bercuti panjang sekiranya keluarga pelatih menghadapi kecemasan. Apakah langkah-langkah untuk mengatasinya.

SULIT

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pada tarikh tersebut iaitu di antara 9 Januari hingga 14 Januari 2009 panggilan telefon daripada pelanggan adalah amat tinggi. Kebanyakan panggilan telefon dan surat melalui faks adalah mengenai kelulusan permohonan tambahan cuti untuk Perayaan Tahun Baru Cina. Walaupun Bilik Gerakan bertugas 24 jam namun tidak dinafikan terdapat panggilan-panggilan yang tidak dapat masuk pada masa tersebut kerana kesibukan talian terutama waktu siang. Kesibukan ini tidak selalu berlaku hanya ketika perayaan besar sahaja. Mengenai direktori telefon, Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN) sentiasa memperbaharui direktori perhubungan dari masa ke semasa untuk memastikan ketepatan panggilan oleh pelanggan.

JLKN sentiasa memastikan adanya pegawai yang boleh membuat keputusan dalam mengurus apa-apa masalah dari keluarga pelatih. Pada sebilang masa Pengarah atau Penolong Pengarah sentiasa berada di pejabat sekiranya salah seorang bercuti atau bertugas di luar pejabat.

SULIT

Bagi mengatasi kesulitan pelanggan terutama di musim perayaan, langkah-langkah penambahbaikan yang telah dibuat adalah seperti berikut:

- a) Memberi kuasa kepada Komandan Kem untuk membuat keputusan yang tidak melibatkan dasar khususnya dalam mempertimbangkan permohonan cuti.**
- b) Menambahbaikan sistem panggilan telefon serta menambah bilangan mesin faks.**
- c) Pelanggan boleh mengemukakan masalah melalui e-mail Jabatan.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR]

TARIKH : 26 FEBRUARI 2009

RUJUKAN : 1518

SOALAN:

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan perkembangan siasatan terhadap Pulau Tikus Repot/004791/08 yang dibuat oleh YB. Tuan Karpal Singh pada 13 November 2008 terhadap Ketua Hakim Negara, Tan Sri Zaki Tun Azmi.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Bukit Gelugor yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, kes yang dilaporkan oleh Yang Berhormat Bukit Gelugor adalah satu kes rasuah dan pihak polis telah merujuk kes tersebut kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk tindakan dan siasatan selanjutnya.

SOALAN NO. (62)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU
(TELUK INTAN)**

TARIKH : 26 FEBRUARI 2009 (KHAMIS)

SOALAN :

Y.B. TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU (TELUK INTAN) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan dasar perumahan Tun Abdul Razak telah dikemukakan pada tahun 1973 dan diamalkan di Selangor pada satu ketika. Apakah tujuan yang sebenar dasar itu dan mengapakah ia tidak diamalkan lagi.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dasar Perumahan Tun Razak yang diperkenalkan pada 1973 adalah merupakan dasar yang memberi tumpuan kepada skim perumahan untuk pekerja-pekerja ladang. Dasar ini bertujuan untuk memenuhi keperluan perumahan pekerja-pekerja ladang supaya mereka mampu memiliki rumah sendiri. Melalui dasar ini, pihak majikan adalah bertanggungjawab untuk membina rumah yang dilengkapi dengan kemudahan asas untuk pekerja-pekerjanya. Segala kos pembinaan dibiayai oleh majikan manakala para pekerja dikehendaki membuat bayaran balik melalui ansuran bulanan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jua, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bukanlah agensi yang bertanggung jawab untuk memantau dan melaksana

Dasar ini. Oleh itu, KPKT tidak dapat memberi maklumat lanjut mengenai pelaksanaannya.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Februari 2009

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN GOBIND SINGH DEO [PUCHONG]
TARIKH : 26 FEBRUARI 2009
RUJUKAN : 1522

SOALAN:

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah program-program yang dilaksanakan di penjara-penjara dan pusat-pusat pemulihan akhlak untuk lelaki dan wanita di seluruh negara dan sama ada ataupun tidak sistem-sistem tersebut berjaya membawa hasil memulihkan seseorang itu.

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada **Ahli Yang Berhormat** dari **Puchong** yang telah mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelbagai program dan aktiviti telah dilaksanakan bagi tujuan pemulihan penghuni di seluruh institusi di bawah pengurusan Jabatan Penjara iaitu Penjara, Pusat Pemulihan Akhlak, Sekolah Henry Gurney dan Tempat Tahanan Perlindungan.

Program dan aktiviti tersebut melibatkan aktiviti pembentukan disiplin, pemulihan dan kesedaran diri, kaunseling, keagamaan dan kerohanian, akademik, latihan vokasional dan kemahiran serta kemasyarakatan. Tujuan utama aktiviti sedemikian dilaksanakan adalah supaya penghuni pulih, insaf, berkemahiran, boleh berdikari serta tidak mengulangi kesilapan lampau apabila mereka dibebaskan ke pangkuan masyarakat.

Program dan aktiviti yang dilaksanakan terangkum di bawah plan penambahbaikan pemulihan Jabatan Penjara iaitu Plan Pembangunan Insan yang dilaksanakan secara berperingkat mulai tahun 2002. Plan Pembangunan Insan mempunyai pelbagai modul yang disesuaikan dengan kategori penghuni serta institusi. Antara modul-modul tersebut ialah Modul Putra untuk Juvana di Sekolah Henry Gurney, Modul seks, Modul Dadah, Modul Reman untuk banduan di penjara dan Modul Tahanan untuk tahanan di Pusat Pemulihan Akhlak.

Sistem pemulihan yang diperkenalkan melalui Plan Pembangunan Insan telah memberikan impak yang positif terhadap pemulihan penghuni. Ini terbukti dengan pengurangan kes-kes kemasukan semula penghuni iaitu dari 30% pada tahun 2002 kepada 10.09% pada tahun 2008.

Jabatan Penjara akan melaksanakan penambahbaikan dari masa ke semasa untuk meningkatkan keberkesanan setiap program pemulihan penghuninya. Justeru itu, Jabatan Penjara amat mengalu-alukan kerjasama dan sokongan dari keluarga, masyarakat, agensi-agensi luar serta NGO untuk sama-sama menjayakan usaha ini.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR
[POKOK SENA]**

TARIKH : 26 FEBRUARI 2009

SOALAN:

Dato' Haji Mahfuz Bin Omar [Pokok Sena] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menjadikan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sebagai sebuah badan yang diberi kuasa autonomi seperti yang disarankan oleh bekas Pengerusi SPR sebelum persaraan beliau.

JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan berpendapat bahawa kedudukan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) ketika ini, sebagai sebuah badan bebas yang dipertanggungjawabkan dalam mengendalikan pilihan raya sama ada pilihan raya umum atau kecil sepertimana yang ditetapkan oleh Perkara 113 (1) Perlembagaan Persekutuan adalah memadai. Sehubungan dengan itu, pada masa lepas dan pada masa kini, SPR telah pun menunjukkan keupayaannya melaksanakan tugas dan tanggungjawab mengendalikan pilihan raya yang bersih, bebas dan adil (*free and fair election*) di Negara ini.

2. Berdasarkan kepada keputusan-keputusan pilihan raya umum dan pilihan raya-pilihan raya kecil semenjak merdeka, terutamanya dalam Pilihan Raya Umum Ke-12 yang telah menyaksikan pihak pembangkang telah memenangi 82 daripada 222 kerusi parlimen yang dipertandingkan. Hal yang sama, dalam Pilihan Raya Kecil P.44 Permatang Pauh dan Pilihan Raya Kecil P.36 Kuala Terengganu pihak pembangkang telah memenangi pilihan raya kecil tersebut dengan majoriti yang besar. Ini menunjukkan bahawa keputusan-keputusan pilihan raya telah diterima secara baik dan sah (*legitimate*) oleh semua pihak sama ada pihak Kerajaan mahupun pihak pembangkang, Kerajaan yakin semua pihak telah berpuas hati dengan tugas-tugas yang telah dijalankan oleh SPR semenjak ia diwujudkan.

3. Jika SPR diberi kuasa autonomi belum tentu semua pihak akan berpuas hati dengan proses dan keputusan sesuatu pilihan raya.

4. Untuk menjamin pilihan raya yang bebas dan adil, sistem yang diamalkan sekarang memberi peluang yang menyeluruh dan ruang yang luas kepada pihak-pihak yang terbabit, untuk sama-sama memastikan pilihan raya di Malaysia dilaksanakan dengan telus mengikut Undang-undang. Sebagai contoh, Perkara 118 Perlembagaan Persekutuan yang digubal untuk membenarkan pihak-pihak yang tidak berpuas hati dengan keputusan pilihan raya yang dikendalikan oleh SPR untuk mengemukakan petisyen pilihan raya kepada mana-mana Mahkamah Tinggi dalam tempoh 21 hari dari tarikh keputusan pilihan raya diwartakan. Dalam hal ini, jika ada mana-mana pihak yang tidak berpuas hati dengan keputusan yang dibuat oleh Hakim Mahkamah Tinggi, juga boleh mengemukakan rayuan di Mahkamah Persekutuan dalam tempoh 14 hari dari tarikh keputusan dibuat.

5. Oleh itu, Kerajaan berpendapat bahawa sistem yang wujud ketika ini, masih yang terbaik dan wajar dikekalkan.

6. Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna Kerajaan tidak bersedia untuk responsif kepada tuntutan dan perubahan semasa. Malah, Kerajaan amat berkeyakinan, SPR berkuasa dan berkemampuan untuk melakukan usaha pengupayaan dengan melakukan proses penambahbaikan demi untuk memantapkan lagi sistem pilihan raya di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN AMRAN BIN ABDUL GHANI
(TANAH MERAH)**

TARIKH : 26 FEBRUARI 2009 (KHAMIS)

SOALAN :

Y.B. TUAN AMRAN BIN ABDUL GHANI (TANAH MERAH) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan kenapakah berlaku 'double standard' peruntukan kepada PBT-PBT di Parlimen dan DUN yang BN kalah dan nyatakan jumlah terperinci peruntukan untuk tahun 2009 bagi Majlis Daerah Tanah Merah dan Jeli.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengagihan peruntukan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah bergantung kepada siling peruntukan yang diterima pada setiap tahun bagi bajet pembangunan projek-projek kecil Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Pihak PBT akan mengemukakan cadangan proje-projek kecil berdasarkan kepada keperluan dan keutamaan projek-projek *people centric* dan kemudahan asas PBT.

Untuk makluman Ahli yang Berhormat jua, peruntukan tahun 2009 bagi Majlis Daerah Tanah Merah dan Jeli buat masa ini belum lagi dimuktamadkan.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Februari 2009

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM
(SEPUTEH)
TARIKH : 26.02.2009

SOALAN:

Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH] minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kementerian pernah memberi arahan kepada semua pengelola sekolah di negeri-negeri Pakatan Rakyat supaya tidak menjemput pemimpin politik Pakatan Rakyat untuk menghadiri apa-apa program sekolah. Apakah sekolah-sekolah tersebut juga tidak dibenarkan untuk meletakkan gambar Menteri Besar/ Ketua Menteri logo Kerajaan negeri Pakatan di bangunan sekolah.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) maklum bahawa terdapat pelbagai agensi di bawah kementerian lain termasuk kerajaan-kerajaan negeri menganjurkan program dan aktiviti yang melibatkan guru-guru serta murid-murid sekolah di bawah KPM. KPM juga sedia maklum dalam kalendar sekolah lazimnya terdapat beberapa peristiwa tertentu yang dianggap penting serta diberi keutamaan sebagai majlis rasmi sekolah. Di antara majlis tersebut termasuklah Hari Anugerah Kecemerlangan, Hari Terbuka, Sukan Tahunan dan Mesyuarat Agung PIBG yang kesemuanya melibatkan kehadiran jemputan khas. Seringkali, pihak sekolah akan mengundang pembesar-pembesar negeri, orang-orang kenamaan, wakil rakyat ataupun pegawai tinggi Jabatan dan Kementerian untuk merasmikan majlis tersebut.

KPM telah mengeluarkan beberapa pekeliling berkaitan dengan undangan kepada tetamu Kehormat ke majlis-majlis rasmi di sekolah. Antaranya Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 10/1989: *Aturcara Majlis Rasmi Sekolah* bertarikh 5 Oktober 1989, Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 3/1991: *Mengundang Orang-Orang Kenamaan ke Upacara Sekolah/Institusi Pendidikan* bertarikh 16 Mei 1991 dan yang terbaru berhubung perkara ini adalah Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 3/2008: *Mengundang Orang-Orang Kenamaan Ke Upacara Sekolah dan Penggunaan Premis Sekolah Oleh Pihak Luar* bertarikh 31 Mac 2008.

Setakat ini KPM tidak pernah mengeluarkan sebarang arahan secara spesifik yang melarang Ahli Parlimen atau wakil rakyat pembangkang untuk menyertai ataupun memasuki sekolah untuk menyertai program. Namun, untuk makluman Ahli yang Berhormat, KPM telah menetapkan bahawa semua majlis rasmi di sekolah yang melibatkan majlis perasmian oleh orang-orang kenamaan atau individu-individu tertentu, hendaklah mendapat kebenaran daripada KPM melalui Pengarah Pelajaran Negeri masing-masing terlebih dahulu bagi memastikan majlis yang dianjurkan bukan untuk tujuan politik serta tidak mengganggu pengajaran dan pembelajaran murid. Adalah tidak wajar institusi pendidikan dipengaruhi mana-mana ideologi politik di negara kita.

AW : 67.

**SIDANG DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEDUA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B PUAN FONG PO KUAN
[Batu Gajah]**

TARIKH : 26 Februari 2009

SOALAN : 67

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan terma-terma kontrak lama dan baru bagi Angkasawan Negara.

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Seperti yang ahli dewan sedia maklum, semasa Program Angkasawan Negara Pertama, kedua-dua angkasawan, Datuk Dr. Sheikh Muszaphar Shukor Al-Masrie dan Mejar Dr. Faiz Khaleed melalui surat dari Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia telah ditukarkan sementara masing-masing dari Kementerian Kesihatan Malaysia dan Kementerian Pertahanan Malaysia ke Agensi Angkasa Negara (ANGKASA) dari Pegawai Perubatan/Pergigian U41 kepada

Pegawai Penyelidik Q48 bermula dari 4 September 2006 sehingga 31 Disember 2008. Tempoh ini meliputi tempoh latihan selama satu tahun, misi ke ISS selama 15 hari dan pelaksanaan Program Kesedaran Awam selama satu tahun. Terma kontrak bagi kedua-dua angkasawan ini sama seperti penjawat awam yang lain yang terikat dengan peraturan dan pekeliling sebagai penjawat awam. Kontrak ini telah pun berakhir pada 31 Disember 2008.

Tuan Yang Dipertua,

Pada dasarnya kerajaan telah pun bersetuju untuk meneruskan Program Angkasawan Negara Kedua, walau bagaimanapun, ianya tertakluk kepada peruntukan yang ada, faktor ekonomi semasa dan juga perincian berkaitan program selanjutnya. Hasil dari kajian *Cost Benefit Analysis* yang telah dijalankan pada tahun lalu mendapati, adalah wajar bagi program kesedaran awam angkasawan diteruskan bagi meningkatkan kesedaran dan mendidik kumpulan sasaran berkenaan pembangunan Program Angkasawan Negara dan implikasinya kepada pendidikan, sains, sosial dan pembangunan ekonomi Negara. Permintaan bagi mendapatkan khidmat kedua-dua angkasawan ini bagi menyampaikan ceramah dan motivasi masih diterima hingga kini.

Berikutan kerajaan masih belum dapat membuat ketetapan bagi pelaksanaan Program Angkasawan Kedua Negara, namun pada masa yang sama, kerajaan perlu untuk memastikan komitmen yang berterusan terhadap program ini di samping menjana minat para

pelajar dalam mendalami ilmu sains dan teknologi, maka adalah wajar kedua-dua angkasawan negara ini disambungkan lagi perkhidmatan dalam Program Angkasawan Negara.

Tuan Yang Dipertua,

Angkasawan Negara, Datuk Dr. Sheikh Muszaphar Shukor Al-Masrie akan ditempatkan di bawah Yayasan Angkasawan Malaysia yang bakal ditubuhkan sedikit masa lagi. Antara fungsi dan peranan utama yayasan ini ialah mempromosikan bidang sains dan teknologi khusus kepada sains angkasa, menganjurkan program dan aktiviti saintifik, bengkel, seminar dan melaksanakan perancangan strategik untuk angkasawan selepas pulang ke tanah air. Pihak MOSTI akan merujuk Pejabat Peguam Negara dan Kementerian Kewangan bagi mengkaji pelbagai aspek dalam kontrak kedua-dua mereka termasuk kaedah dan kadar ganjaran yang bakal diterima setimpal dengan komitmen membantu kerajaan mempromosikan bidang sains dan teknologi.

Manakala bagi Mejar Dr. Faiz Khaleed, kontrak pertukaran sementara beliau bersama ANGKASA/MOSTI akan disambung selama dua tahun lagi dan beliau akan dihantar untuk mengikuti program sarjana berkaitan Dentistry di *Military Medical Academy* di St. Petersburg, Russia. Program ini mempunyai kerjasama dan *attachment* dengan Pusat Latihan Cosmonaut di Star City, Moscow, dan juga mempunyai kaitan dengan program angkasa Russia. Kos bagi program ini boleh menggunakan Biasiswa Pembangunan Modal

Insan (*HCD Scholar*) di bawah MOSTI. Program ini juga memberikan latihan yang diperlukan bagi Mejar Dr. Faiz Khaleed menjadi seorang *mission specialist* yang membolehkan beliau diberikan peranan yang lebih besar di misi akan datang. Ini bersesuaian dengan perancangan misi Program Angkasawan Negara Kedua negara, iaitu tempuh di ISS yang lebih lama.

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEDUA BELAS
TAHUN 2009**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN DR. MOHD HATTA BIN MD
RAMLI (KUALA KRAI)**

TARIKH : 26 FEBRUARI 2009

SOALAN :

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan kemajuan pembangunan dan pembaikan jalan kampung di dalam Parlimen Kuala Krai yang rosak akibat banjir.

JAWAPAN :

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak 14 jalan kampung telah dilaporkan rosak akibat banjir yang berlaku pada awal tahun 2008 di kawasan Parlimen Kuala Krai. Sejumlah RM1.29 juta telah diperuntukkan untuk pembaikan kerosakan jalan-jalan tersebut dan telah siap sepenuhnya.

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

- PERTANYAAN** : **LISAN**
- DARIPADA** : **Tuan Muhammad bin Husain [Pasir Puteh]**
- TARIKH** : **26 FEBRUARI 2009 (Khamis)**
- SOALAN** : **Minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk meningkatkan jumlah pendaratan ikan di pelabuhan Tok Bali yang dikatakan merosot kebelakangan ini.**
- JAWAPAN** : **Pada masa ini, projek pembinaan Pelabuhan Tok Bali masih belum siap sepenuhnya dan sedang dalam proses pembinaan. Projek ini dijangka siap pada bulan Ogos 2010 dan dijangka akan beroperasi pada penghujung tahun 2010.**

Walaupun bagaimanapun, industri perikanan di seluruh negara akan terus ditingkatkan dan beberapa langkah sedang dilaksanakan oleh kerajaan/LKIM seperti berikut:

- a. Transformasi Nelayan – di mana 3 - 5 orang nelayan pantai yang memiliki bot kecil (bot zon A atau B) digabungkan sebagai satu kumpulan dengan menukarkan bot tersebut dengan bot laut dalam yang akan diurus secara pengurusan syarikat.
- b. Dana Nelayan – pinjaman tanpa kepada nelayan bertujuan memberi modal dan mengurangkan kebergantungan nelayan kepada orang tengah.
- c. Tabung Pembangunan Ekonomi Persatuan Nelayan (TPEPN). – program pengukuhan Persatuan Nelayan.
- d. Fish Protech dan Ladang Ikan Dilaut – sebagai inovasi meningkatkan hasil akuakultur.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATO' IBRAHIM BIN ALI
(PASIR MAS)**

TARIKH : 26 FEBRUARI 2009 (KHAMIS)

SOALAN :

Y.B. DATO' IBRAHIM BIN ALI (PASIR MAS) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah peruntukan yang telah disalurkan kepada Majlis Daerah Pasir Mas tahun 2008 dan sudahkah mengenal pasti sumbangan peruntukan bagi projek bantuan untuk tahun 2009 kerana Majlis Daerah Pasir Mas kekurangan hasil yang amat sangat seperti keperluan peruntukan sejumlah RM3 juta bagi membina pasar baru untuk menggantikan pasar lama yang amat usang, tidak selamat, busuk, di mana tapak baru sudahpun disediakan di Lubuk Jong.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Dalam menimbang peruntukan yang akan disalurkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) ini memberi keutamaan kepada projek-projek bercirikan *people centric* dan tertakluk kepada peruntukan yang diluluskan kepada Jabatan Kerajaan Tempatan. Pada tahun 2008, sebanyak RM 23,000.00 telah dibelanjakan untuk program kebersihan BP.3.

Bagi projek pembinaan Pasar Baru Lubok Jong, setakat ini pihak KPKT belum menerima permohonan daripada mana-mana pihak mengenai projek ini.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Februari 2009

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL
[MACHANG]
TARIKH : 26 FEBRUARI 2009
SOALAN :

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapa jumlah kes pesakit kanser dan jantung di Kelantan, Terengganu dan Pahang mengikut jantina untuk tahun 2000 hingga tahun 2008 dan pada masa yang sama berapa jumlah doktor pakar untuk kedua-dua bidang yang ditempatkan di negeri-negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan memang sentiasa prihatin terhadap keperluan rakyat untuk mendapatkan perkhidmatan kepakaran bagi rawatan penyakit kanser dan jantung di seluruh negara termasuklah di Kelantan, Terengganu dan Pahang. Bagi memastikan perkhidmatan yang berkesan dan sumber-sumber dapat dioptimalkan maka perkhidmatan kepakaran bagi penyakit kanser dan jantung

dilaksanakan secara berpusat mengikut zon iaitu zon utara, selatan, tengah, Sabah dan Sarawak.

Pada masa ini, terdapat 2 orang pakar jantung di negeri Kelantan dan 2 orang di Pahang. Bagi negeri Terengganu, perkhidmatan jantung disediakan oleh pakar perubatan am kerana pakar jantung masih belum ditempatkan ke negeri berkenaan. Bagi kes-kes yang rumit yang memerlukan rawatan kepakaran khusus, pesakit-pesakit tersebut akan dirujuk ke Kelantan atau Pahang atau terus ke Institut Jantung Negara.

Pakar Onkologi belum lagi ditempatkan di Negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang. Bagi rawatan penyakit kanser, pakar-pakar yang berkaitan dengan disiplin masing-masing akan mengendalikan kes sebagai contoh penyakit kanser serviks akan dikendalikan oleh Pakar Obstetrik & Ginekologi. Namun demikian bagi kes-kes yang memerlukan perkhidmatan khusus Pakar Onkologi, kes akan dirujuk ke Hospital Universiti Sains Malaysia bagi negeri Kelantan dan Terengganu, manakala pesakit dari negeri Pahang akan dirujuk ke Kuala Lumpur

Bilangan pesakit kanser dan jantung berdasarkan bilangan discaj dari hospital kerajaan adalah seperti berikut:

**Bilangan Pesakit Kanser Dan Jantung Yang Mendapat Rawatan
Di Hospital Kerajaan Bagi Negeri Pahang, Terengganu
Dan Kelantan, 2000 - 2007**

Tahun	Pahang		Terengganu		Kelantan	
	Kanser	Jantung	Kanser	Jantung	Kanser	Jantung
2000	1,509	6,434	883	3,350	1,104	4,440
2001	1,535	6,524	865	3,538	1,162	4,839
2002	1,748	6,733	918	3,613	1,305	5,359
2003	1,704	7,177	1,007	3,672	1,331	4,876
2004	1,752	6,979	916	3,865	1,600	5,477
2005	1,752	6,285	1,057	4,388	1,920	5,524
2006	1,925	6,692	1,092	4,778	1,769	5,692
2007	1,995	6,580	922	5,167	1,903	5,815

Nota: Bilangan pesakit adalah berdasarkan bilangan discharge di Hospital Kerajaan sahaja

Sumber: Pusat Informatik Kesihatan
KKM

**BILANGAN PEGAWAI PERUBATAN PAKAR ONKOLOGI DAN
KARDIOLOGI MENGIKUTI NEGERI**

BIL.	NEGERI	JUMLAH PEGAWAI PERUBATAN PAKAR MENGIKUTI BIDANG	
		ONKOLOGI	KARDIOLOGI
1.	PERLIS	-	-
2.	PULAU PINANG	2	10
3.	KEDAH	-	4
4.	PERAK	1*	-
5.	SELANGOR	-	9
6.	W.P KUALA LUMPUR	8	-
7.	NEGERI SEMBILAN	-	-
8.	MELAKA	-	-
9.	TERENGGANU	-	-
10.	KELANTAN	1*	2
11.	PAHANG	-	2
12.	JOHOR	1	8
13.	SABAH	1	1
14.	SARAWAK	2	9
	JUMLAH	16	45

*Pakar sesional - hanya bertugas mengikut jadual yang dipersetujui dan tidak melebihi 10 jam seminggu

NW: 72

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN WEE CHOO KEONG
(WANGSA MAJU)
TARIKH : 26. 02. 2009
NO. SOALAN : 72

TUAN WEE CHOO KEONG (WANGSA MAJU) minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan tindakan-tindakan yang telah diambil untuk mencegah dan menghukum peniaga yang mengaut keuntungan berlebihan dengan tidak menurunkan harga makanan khususnya bahan makanan asas memandangkan harga minyak telah diturunkan sebanyak 5 kali sejak kenaikan 70 sen selitter dahulu.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian tidak menafikan melalui hasil analisa trend harga 100 jenis barang terpilih dari bulan Jun 2008 hingga Oktober 2008 mendapati barang-barang di pasaran masih tidak ada penurunan atau perubahan harga yang signifikan ke atas kedudukan harga sejak kenaikan harga

berlaku pada bulan Jun dan Julai 2008 yang lalu. Pemantauan harga di pasaran secara mingguan ke atas harga 255 barang di 80 pusat pungutan di seluruh negara juga didapati harga barang-barang keperluan pengguna dan bahan makanan asas masih tidak sejajar dengan penurunan bahanapi.

Sebab-sebab mengapa harga barang masih lagi tinggi sedangkan harga minyak telah diturunkan oleh Kerajaan sebanyak 7 kali dalam tempoh tiga bulan setengah ini antaranya ialah:-

- i) harga minyak bukan penyebab utama kenaikan harga barang. Kos pengeluaran sesuatu produk ditentukan oleh kos *input* yang digunakan untuk mengeluarkan atau menghasilkan produk itu dan sebahagian besar daripadanya komponen *input* adalah terdiri daripada bahan mentah;
- ii) stok dalam simpanan pembekal dan pengeluar pada ketika itu merupakan stok lama yang diprolchi dengan kos yang tinggi sewaktu harga barang masih di paars yang tinggi;
- iii) takrif elektrik juga sebagai faktor penyumbang dan antara penyebab pihak industri terpaksa menanggung kos operasi yan tinggi;
- iv) bebanan kos pengangkutan kerana caj pengangkutan oleh service provider masih kekal walaupun harga minyak telah diturunkan.

Tuan Yang Dipertua,

Walau bagaimana pun, Kementerian prihatin dengan perkara ini dan sentiasa mengambil langkah-langkah mencegah serta menghukum peniaga-peniaga tidak beretika yang cuba mengaut keuntungan berlebihan. Antara langkah-langkah yang telah dan sedang diambil iaitu:-

- i) membatalkan lesen barang berjadual;
- ii) menguatkuasakan undang-undang diperuntukan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 jika didapati bersalah boleh dijatuhkan dengan hukuman yang berat;

iii) penguatkuasaan diteruskan sepanjang masa bagi memastikan undang-undang dipatuhi oleh pihak peniaga. Tindakan pemeriksaan secara total yang dijalankan hari-hari biasa dan sepanjang musim perayaan telah dapat menangani masalah tersebut. Dalam tempoh 1 Januari 2009 hingga 8 Februari 2009 sebanyak 98,140 premis telah diperiksa. Daripada pemeriksaan tersebut sebanyak 235 kes telah dihasilkan. 62 kes adalah merupakan kesalahan di bawah Akta Kawalan Harga 1946 yang berkaitan dengan peniaga yang tidak beretika dengan sengaja tidak meletakkan tanda harga.

iii) melaksanakan Skim Kawalan Harga Musim Perayaan di bawah Akta Kawalan Harga 1946. Di bawah skim ini harga maksimum borong dan runcit ditetapkan secara kuatkuasa undang-undang walaupun dalam masa yang singkat;

iv) meneruskan pemberian subsidi kepada beberapa barangan priu supaya harga barangan tersebut terus kekal agar tidak menimbulkan masalah rentetan yang boleh menyusahkan pengguna;

v) Kerajaan meneruskan projek perintis di beberapa kawasan luar bandar. Tujuannya bagi menentukan bekalan beberapa jenis barangan perlu dihantar terus ke lokasi oleh pembekal. Melalui sistem pengedaran terus ini dapat mengurangkan kos justeru itu barangan dapat dijual pada harga yang munasabah sambil menentukan bekalannya sentiasa ada;

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**DARIPADA : TUAN MANIKAVASAGAM A/L SUNDARAM
(KAPAR)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 26.02.2009 SOALAN NO: 73

Tuan Manikavasagam a/l Sundaram (Kapar) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah keseluruhan pengarah-pengarah di syarikat GLC. Daripada jumlah tersebut berapa peratus pengarah Bumiputera, Cina dan India. Nyatakah juga jumlah pengarah yang bergiat dalam politik serta jumlah pengarah profesional dan statistik dari tahun 2000 sehingga kini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga Disember 2008, terdapat 212 orang Ahli Lembaga Pengarah di 20 syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) (G-20) terbesar yang tersenarai di Bursa Malaysia. Daripada jumlah tersebut, 161 orang (75.9%) terdiri daripada kaum Bumiputera, 26 orang (12.3%) Cina, 7 orang (3.3%) India dan 18 orang (8.5%) bukan warganegara Malaysia.

2. Kesemua mereka ini merupakan pengarah-pengarah profesional yang berkelayakan dan dipilih berdasarkan merit,

pengalaman serta kepakaran khusus yang dimiliki berkaitan bidang dan industri yang diceburi oleh GLC terbabit. Hanya seorang Ahli Lembaga Pengarah di G-20 yang terlibat secara aktif dalam bidang politik.

PARLIMEN MALAYSIA

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : TUAN MOHD FIRDAUS JAAFAR (JERAI)
TARIKH : 26 FEBRUARI 2009 (KHAMIS)
SOALAN : Tuan Mohd Firdaus Jaafar (Jerai) minta
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
menyatakan: jumlah sebenar yang telah dan akan
diberikan kepada petani-petani di Kedah yang
mengusahakan projek pertanian secara komersial bagi
tempoh 2008-2010.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Bagi tempoh 2008 hingga 2010, sejumlah RM22.94 juta diperuntukkan kepada petani-petani di Kedah untuk mengusahakan projek pertanian secara komersial. Projek-projek yang dijalankan meliputi projek Dusun Komersial, Sayur-Sayuran Komersial, Padi, Kelapa, Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), Industri Asas Tani, khidmat Pengembangan/Latihan Petani dan program/projek di bawah Dasar Jaminan Bekalan Makanan. Peruntukan yang disediakan merupakan

Insentif Amalan Teknologi bagi menggalakkan petani-petani mengamalkan teknologi berasaskan Amalan Pertanian Baik.

Pecahan Peruntukan mengikut tahun adalah seperti berikut:-

Tahun	Peruntukan
2008	RM8,877,531
2009	RM7,070,249
2010	RM6,990,000
JUMLAH	RM22,937,780

Sementara bagi peruntukan Parlimen Jerai pula, untuk tahun 2008 – 2009, sejumlah RM491,500 telah pun diperuntukkan kepada petani-petani yang mengusahakan projek pertanian komersial seperti sayur-sayuran, padi, kelapa, industri asas tani dan program/projek di bawah Dasar Jaminan Bekalan Makanan.

Peruntukan akan terus diberikan untuk tahun 2010 di mana jumlahnya akan ditentukan pada penghujung tahun 2009 setelah Jabatan Pertanian Negeri Kedah mengemukakan permohonan projek-projek ke Ibu Pejabat Jabatan Pertanian di Putrajaya.

Bagi projek perikanan, peruntukan projek komersial yang disediakan bagi Negeri Kedah tahun 2008-2010 adalah sebanyak RM16,448,000 meliputi projek-projek seperti projek High Impact ZIA dan Hatcheri, projek teknologi pembenihan ikian, pembangunan projek ikan hiasan di kawasan pembangunan Koridor Utara dan projek industri asas tani. Pembangunan dilaksanakan di pelbagai kawasan Parlimen iaitu, Parlimen Sik, Kubang Pasu, Alor setar, Kulim-Bandar Bharu,

Sungai Petani dan Langkawi. Pecahan peruntukan mengikut tahun adalah seperti berikut:

Projek	Peruntukan (RM)		
	2008	2009	2010
ZIA	5,027,000	1,050,000	3,300,000
IAT	62,500	120,000	-
Teknologi Pembenihan	100,000	100,000	31,250
Ikan Hiasan	1,026,000	-	1,200,000
JUMLAH	10,646,750	1,270,000	4,531,250

SOALAN NO: 75

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]

TARIKH : 26 FEBRUARI 2009

RUJUKAN : 1526

SOALAN:

Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan perkembangan siasatan polis ke atas kes video seks melibatkan Dato Chua Soi Lek, mantan Menteri Kesihatan sehingga kini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya yang mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Izinkan saya untuk menjawab pertanyaan ini serentak bersama-sama pertanyaan daripada Yang Berhormat Cheras bertarikh 26 Februari 2009 yang juga bertanyakan soalan yang sama.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, pihak polis telah selesai menyiasat kes yang melibatkan Dato' Chua Soi Lek di mana seramai 22 orang saksi telah dipanggil dan dirakam percakapannya termasuk Dato' Chua Soi Lek sendiri. Walau bagaimana pun, berdasarkan kepada siasatan yang telah dijalankan, pihak polis tidak dapat membuat sebarang pengecaman positif berhubung identiti pihak yang bertanggungjawab memasang kamera dan membuat rakaman video seks tersebut. Kertas siasatan yang lengkap telah pun dikemukakan ke Jabatan Peguam Negara untuk tindakan. Walau bagaimanapun, setelah menimbang semua fakta yang dikemukakan, pihak Pendakwaraya pada 28 Ogos 2008 telah membuat keputusan untuk menutup kes ini (NFA).